



**Jilid III
Bil. 15**

**Hari Selasa
3hb Disember, 1985**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA
SENATE**

**PARLIMEN KEENAM
*Sixth Parliament***

**PENGGAL KETIGA
*Third Session***

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan3317]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Syarikat Kewangan (Pindaan) [Ruangan 3366]

Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) [Ruangan 3388]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BEN STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDDEEN (Sarawak).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).
- „ LT. KOL. (B) ABDUL HAMIDBIN!BRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIP (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- „ PUAN HAJJAH AZIZAH BINTI MOHD. SAID (Dilantik).
- „ TUAN BEE YANG SEK (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- „ TUAN HARUN BIN HASSAN (Terengganu).
- „ PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).
- „ DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).

YangBerhormat TAN SRI ISMAIL K HAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T.
(Dilantik).

- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- „ DATO K. KUMARAN, D.P.M;P., K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- „ CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J.P.P.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAPAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ DATO DR K. S. NUHAR (Dilantik).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (DUantik).
- „ PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TUAN A.SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* S. DAWOOD
(Dilantik).
- „ TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).
- „ TUAN TIONG HIEW KJNG (Dilantik).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).
- „ TUAN WONG YAU KET (Sabah).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 3hb Disember, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**LEBUHRAYA SEREMBAN/AIR
HITAM**

1. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah jangka masa Lebuhraya Seremban/Air Hitam akan dapat digunakan sepenuhnya; dan

- (i) berapa bilangan tol akan didirikan di sepanjang lebuhraya tersebut; dan
- (ii) berapa tol didirikan di luar lebuhraya yang digunakan bagi naik dan turun sepanjang lebuhraya tersebut.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, lebuhraya Seremban-Air Hitam mempunyai dua bahagian:

- (1) daripada Seremban ke Pagoh.
- (2) dari Pagoh ke Air Hitam.

Buat masa ini, bahagian dari Seremban ke Pagoh adalah sedang dibina dan dijangka siap awal tahun 1988. Sementara bahagian daripada Pagoh ke Air Hitam hanya akan dibina sesudah keputusan muktamat mengenai pembinaannya diperplehi.

Mengenai soalan kecil (i), oleh kerana sistem tol yang akan dilaksanakan ialah sistem bertutup dan bukan sistem terbuka, maka tol plaza tidak akan didirikan di sepanjang lebuhraya tersebut tetapi akan didirikan di persimpangan bertingkat iaitu di mana tempat kenderaan keluar masuk ke lebuhraya.

Oleh yang demikian, soal bilangan tol yang dimaksudkan akan didirikan di sepanjang lebuhraya-lebuhraya itu tidak berbangkit.

Jawapan untuk soalan kecil (ii), bilangan tol plaza yang akan didirikan di persimpangan lebuhraya Seremban-Air Hitam itu iaitu dari Seremban ke Pagoh ialah 7 dan dari Pagoh ke Air Hitam ialah 3.

Dato G. Pasamanickam: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sama ada pungutan tol akan berakhir selepas semua kos perbelanjaan untuk membina jalan raya sudah pun dipungut balik ataupun ianya akan terus dikutip buat selama-lamanya.

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kita akan mengutip tol selagi dunia ini ada. (*Ketawa*)

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat kepastian daripada pihak Menteri yang berkenaan, bagaimanakah kedudukan jambatan CH31 dan CH32 di antaranya yakni Kampong Sawah

Raja kerana cadangah jambatan yang hendak dibina untuk menghubungi CH31 ini didapati tidak begitu sesuai kerana baru-baru ini ada berlaku suatu banjir kilat yang kiri kanan jambatan yang dibina itu adalah kawasan sawah, tetapi air yang dialirkan itu tidak dapat melalui taliair-taliir yang tertentu, malahan kalau tak silap saya, tiga jambatan JKR telah rosak akibat banjir kilat itu. Dan saya difahamkan perkara ini telah pun diperbincangkan di antara Kerajaan Negeri dan Kementerian yang berkenaan dan diharap mendapat penjelasan.

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu jambatan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi masuk dalam kuasa Menteri Kerjaraya atau kuasa pihak Kerajaan Negeri. Jika Ahli Yang Berhormat berikan kepada saya lebih keterangan dan saya boleh jugalah memberikan kepada beliau butir-butir yang berkenaan dengan jambatan itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, jalan yang saya maksudkan ialah lebuh raya iaitu jambatan yang dicadangkan, kemudian kiri-kanan kepada jambatan itu ditambah lebih kurang 200 meter, sedangkan dalam kajian penduduk-penduduk kampung di sekitar lebuh raya itu mengharapkan supaya viaduct dapat dibiria 200 meter itu, tidaklah sebagaimana yang dicadangkan iaitu dibuat jambatan.

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini lain daripada soalan asal, tetapi kepada Ahli Yang Berhormat itu saya berjanji saya akan menyiasat berkenaan dengan jambatan itu.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat Menteri menyebutkan tentang pembinaan lebuh raya daripada Pagoh ke Johor Bharu masih lagi dalam rundingan, saya ingin tahu dan juga minta Yang

Berhormat Menteri memberikan penerangan dalam Dewan ini tentang kemungkinan membina lebuh raya dengan cara pengswastaan.

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Menteri telah mengambil satu keputusan untuk mengswastakan semua lebuh raya yang belum disiapkan lagi daripada Bukit Kayu Hitam ke Johor Bharu. Perkara ini ada di dalam pertimbangan Kementerian saya pada masa sekarang. Saya berharap apabila kita menyiasat perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh jurutera-jurutera dan juga syarikat-syarikat yang menjalankan kajian projek-projek, selepas itu jugalah kita boleh menetapkan satu tarikh macam manakah kita akan menswastakan lebuh raya itu. Sebab-sebabnya kita mempunyai banyak masalah kewangan, pada masa sekarang kita mesti menimbangkan apakah rancangan dan cadangan yang dikenalkan oleh syarikat-syarikat kepada Kementerian saya.

Kementerian saya mengikut keputusan Jemaah Menteri, sedang menimbangkan perkara untuk mengswastakan jalan raya yang betum dimulakan pembinaannya iaitu dari Changkat Jering ke Gurun. Jalan raya yang kedua ialah jalan raya dari Ipoh ke Kuala Lumpur. Yang ketiga ialah dari Pagoh ke Air Hitam dan Air Hitam ke Johor Bharu dalam pertimbangan.

Bersama-sama itu kita suka juga menswastakan jalan raya iaitu Klang Valley Expressway yang pertama dan juga membina dan juga memperbaiki dan memperbesarkan Jalan Persekutuan yang sedia ada mulai dari Sea-Port ke Klang, ada dalam pertimbangan sekarang.

Saya harap dapat mengikut keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri, kita akan mengadakan satu "package" untuk memanggil tender

daripada kontraktor-kontraktor masa depan.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita menyokong kutipan tol ini dilakukan terutamanya ketika kedudukan kewangan Kerajaan agak lemah sedikit sekarang ini. Tetapi apakah Kerajaan tidak bercita-cita untuk membatalkan pungutan tol ini apakala setelah kewangan Kerajaan nanti agak bertambah lebih baik daripada keadaan sekarang ini, kerana kita sedar walaupun kewangan Kerajaan agak tersepit sedikit sekarang ini namun Kerajaan terus melaksanakan pembangunan untuk kemudahan rakyat. Sebab itu saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah tidak terfikir atau telah ada dalam perancangan penarikan balik kutipan tol ketika yang sesuai nanti?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat mulai daripada tahun 1957 hingga sekarang rakyat jelata di dalam tanahair kita ini sudah pun mendapat banyak kemudahan-kemudahan percuma sahaja. Inilah kali yang pertama mereka membayar untuk kemudahan-kemudahan yang mereka gunakan manakala Kerajaan telah membayar berjuta-juta ringgit untuk kemudahan-kemudahan tersebut.

Seperti apa yang saya katakan tadi, projek-projek jalan raya atau lebuh raya daripada Bukit Kayu Hitam ke Johor Bharu harga nilainya pada masa sekarang ialah lebih daripada \$7.5 billion atau \$7,500 juta. Semua kewangan-kewangan yang kita akan gunakan dalam rancangan ini ialah apa yang kita meminjam daripada agensi-agensi di luar negeri dan juga di dalam negeri,

Jikalau mengikut dengan faedah yang kita bayar kepada pinjaman-pinjaman itu saya harap kita tidak boleh menyelesaikan pinjaman itu

dalam 100 tahun yang akan datang. Sebab itulah saya kata, kita tidak ada apa-apa cadangan untuk menghentikan kutipan tol di jalan raya.

Walau bagaimanapun mengikuti dengan arahan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri, Kementerian saya pada masa sekarang telah dan sedang menimbang satu cara baru dan cara itu ialah bolehkah kita mengutip tol-tol ini melalui penjualan minyak petrol kepada kenderaan-kenderaan. Sebagai Menteri Kerjaraya, saya bantah perkara itu. Saya tidak suka kita akan kutipan tol melalui petrol sebab di dalam tanahair kita, kita mempunyai lebih daripada satu juta motosikal dipunyai oleh rakyat jelata daripada golongan miskin. Jikalau orang yang mempunyai kereta besar dan lori menggunakan jalan itu mengapakah kita akan mendenda rakyat jelata daripada golongan miskin, itulah tujuan saya. Sebab itu walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bercadang dan ini adalah dalam pertimbangan, dan sebagai seorang Menteri di dalam Jemaah Menteri apabila ditimbulkan perkara itu saya mesti memberi aduan saya dalam Jemaah Menteri. Inilah keterangan daripada saya kepada Yang Berhormat.

Puan Hasanah binti Mohd. Kassim: Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan saya yang kedua ada pembedaan. Bukan "kelab" tetapi "kelas-kelas TADIKA". Soalan ini ditujukan kepada Menteri Pelajaran dan bukannya kepada Menteri Kebajikan Masyarakat.

TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK—PENDAFTARAN

2. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada Kementerian ini telah membuat kajian/bancian ke

atas kelas-kelas Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) atau sebagainya yang wujud di Negara ini; jika ya, berapa banyakkah yang mendapat kebenaran dan yang tidak mendapat kebenaran daripada pihak tertentu. Apakah tindakan ke atas pihak pengasas yang tidak mendapat kebenaran.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman); Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin bagi menjawab kerana soalan asal kepada Menteri Kebajikan Masyarakat. Saya mohon izin menjawab bagi pihak Menteri Kebajikan Masyarakat.

Kementerian Kebajikan Masyarakat pernah membuat kajian di kawasan Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan untuk menentukan bilangan Taman Asuhan Kanak-kanak yang wujud di kawasan ini. Sebanyak 46 buah Taman Asuhan Kanak-kanak di Negeri Selangor dan 60 buah di Wilayah Persekutuan telah dikenal pasti.

Penyiasatan terhadap pemohon-pemohon bagi mendaftar Taman Asuhan Kanak-kanak sedang disiasat sepertimana yang dikehendaki di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, pada peringkat permulaannya Akta ini hanya dikuatkuasakan di Selangor dan Wilayah Persekutuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya hukuman yang diperuntukkan bagi mereka yang tidak mendaftar Taman Asuhan Kanak-kanak adalah denda tidak melebihi \$1,000 bagi kali yang pertama atau tidak melebihi \$2,000 bagi kesalahan-kesalahan seterusnya.

Puan Hasanah binti Mohd. Kassim; Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Daripada penjelasan Yang

Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ianya dikuatkuasakan di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan seperti yang disebutkan tadi. Bilakah akan dikuatkuasakan pula kepada negeri-negeri yang lain mengenai Taman Asuhan Kanak-kanak dan begitu juga dasar pelajaran. Adakah ianya diajar bersamaan keseluruhan atau macam mana kerana kadang kalanya tidak bersamaan antara satu sama lain. Adakah ini dalam kajian atau dalam perhatian Kementerian yang berkenaan.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Untuk soalan pertama, Tuan Yang di-Pertua, Akta ini akan dikuatkuasakan seluruhnya pada awal tahun 1986.

Berhubung dengan kurikulum ataupun mata pelajaran yang diajar buat masa ini masih umum lagi tetapi semua guru-guru yang mengajar kelas Taman Asuhan Kanak-kanak ini dikehendaki mengikuti latihan di sesuatu institusi atau pusat yang diiktiraf oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat.

INDUSTRI INSURANS- PENGAWASAN

3. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Kewangan menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh Kerajaan dalam usaha untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul dalam industri insurans dan bagaimana kepakaran-kepakaran yang ada sekarang telah menjamin kedudukan Industri Insurans di Malaysia kalau benar sejauh manakah keberkesanannya.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong); Tuan Yang di-Pertua, pengawasan industri insurans di negara ini adalah melalui Akta Insurans 1963 yang dikuatkuasakan oleh Pejabat Ketua Pengarah Insurans, di Kementerian Kewangan.

Matlamat utama pengawasan ini diadakan adalah untuk menentukan syarikat-syarikat insurans mematuhi semua peruntukan Akta Insurans terutamanya berhubung dengan keperluan solvensi dan untuk melindungi kepentingan pemegang-pemegang polisi dan orang awam.

Industri insurans mempunyai dua masalah utama iaitu kekurangan keupayaan syarikat menanggung risiko dan kekurangan pakar teknikal. Kekurangan keupayaan menanggung risiko disebabkan kebanyakan syarikat-syarikat insurans di negara ini mempunyai modal berbayar yang kecil. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan telah mensyaratkan keperluan modal minima berbayar ditambah dari \$1 juta kepada \$5 juta bagi tiap-tiap satu jenis perniagaan dan dari \$1.5 juta kepada \$10 juta bagi kedua-dua kelas perniagaan berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1984. Kerajaan juga menggalakkan percantuman di kalangan syarikat-syarikat insurans bersama terutama syarikat-syarikat yang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kepakaran dalam industri insurans, adalah tidak menggalakkan di mana hanya 941 dari 11,790 atau hanya 8% sahaja dari kakitangan dalam industri insurans yang mempunyai kelayakan profesional. Pihak Kerajaan sentiasa menekankan kepada industri insurans kepentingan latihan dan pelajaran insurans untuk menjamin pertumbuhan industri insurans keseluruhannya. Bagi mengatasi masalah ini industri insurans telah menubuhkan sebuah badan yang dikenali sebagai Malaysian Insurance Institute dan telah mengadakan peperiksaan Diploma dalam Kajian Insurans dengan kerjasama sebuah badan peperiksaan di United Kingdom iaitu Chartered Insurance Institute. Langkah-langkah ini dijangka akan dapat memperkukuhkan lagi industri insurans di negara ini.

Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md.

Nor: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini masalah insurans pada umumnya pihak syarikat-syarikat insurans mengatakan bahawa insurans mengenai motor vehicles ataupun kenderaan bermotor mendapat kerugian. Oleh kerana itu pada masa sekarang ini setengah-setengah syarikat insurans kurang berminat untuk mengambil risiko terhadap kenderaan bermotor terutama sekali mengenai pengangkutan awam dan insurans terhadap kenderaan-kenderaan pengangkutan awam. Saya rasa keadaan mungkin akan menjadi lebih buruk pada masa akan datang, jadi saya ingin tahu sama ada pihak Menteri Kewangan mempunyai rancangan pada masa hadapan untuk mengatasi masalah ini oleh kerana kalau tidak ada perancangan, pada perasaan saya mungkin syarikat-syarikat bas akan menghadapi masalah untuk mendapat insurans pada masa akan datang?

Dato Dr Tan Tiong Hong: Tuan

Yang di-Pertua, masalah kurang minat untuk menerima sesuatu cara insurans sentiasa berlaku di dalam industri ini dan jikalau masalah-masalah yang timbul oleh kerana ada kelemahan-kelemahan dalam sistem insurans ini, Kementerian Kewangan sentiasa memberikan peluang kepada industri untuk datang berbincang dan bersama-sama dengan bahagian berkenaan untuk mencari jalan untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul.

Setakat ini saya akan mengambil perhatian terhadap pandangan Yang Berhormat tadi dan jikalau perlu dan jikalau masalah kurang minat yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi akan memberikan kesusahan kepada kenderaan awam, saya ingat Kementerian akan mengambil langkah-langkah yang positif untuk mengatasi masalah ini.

**ISU SENSITIF—
KETENTERAMAN AWAM**

4. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap pemimpin-pemimpin parti politik pembangkang, yang membangkitkan isu-isu sensitif seperti Hak Istimewa Orang Melayu, Agama, Bahasa, Raja-raja dalam ucapan-ucapan mereka, sedangkan hujah mereka itu akan menimbulkan kekacauan dan mungkin pertumpahan darah. Apakah tindakan yang Kerajaan telah ambil, akan ambil terhadap mereka itu, atau adakah kuasa undang-undang ISA masih belum ketat dan perlu diketatkan lagi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi tugas dan tanggungjawab Kerajaan untuk memastikan supaya ketenteraman awam dan keselamatan negara terus wujud dan terjamin setiap masa. Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak jua yang cuba menimbulkan suasana yang boleh menjejaskan ketenteraman awam sekaligus keselamatan negara.

Sehubungan dengan ini Kerajaan telah pun mengambil tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Enakmen Kediaman Terhad dan Kanun Keseksaan ke atas mereka yang mengeksploitasi isu-isu sensitif.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan undang-undang dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 adalah mencukupi dan Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta tersebut bagi mendapatkan kuasa tambahan, namun demikian Kerajaan sentiasa berhati-hati dalam menguatkuasakan undang-undang ini dan hanya mengambil tindakan apabila didapati kegiatan seseorang itu benar-benar menjejaskan

ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Dato G. Pasamanickam: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya dapati ada kalangan bukan Hindu yang mengecam hebat agama Hindu di negara kita. Adakah Kerajaan bercadang mengambil tindakan terhadap golongan ini?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Yang Berhormat ingin memberi maklumat dengan lebih tepat lagi kepada saya, saya percaya pihak kita boleh mengambil tindakan.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Soalan tambahan. Apa pula langkah Kerajaan tentang penyebar-penyebarkan seperti suratkhbar-suratkhbar yang sentiasa mengeluarkan berita-berita yang ada kena mengena dengan isu-isu sensitif yang disebutkan dalam soalan yang telah dibentangkan tadi?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pengusaha-pengusaha yang mengeluarkan suratkhbar adalah terkandung di bawah Akta yang berlainan sedikit. Namun demikian, mereka termasuk juga di bawah kuatkuasa Kementerian Dalam Negeri. Jika terdapat surat-suratkhbar yang menimbulkan suasana yang tidak diinginkan bolehlah Kementerian Dalam Negeri menyasiat perkara itu, mula-mulanya akan memberi surat amaran kepada penerbit supaya dia memberhentikan perkara-perkara yang telah berlaku dan jika dia enggan tindakan akan diambil untuk menarik balik permit suratkhbar tersebut.

Dato Kamaruzaman bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan tadi, jadi soalan saya adakah pihak Kerajaan sedang mempercepatkan perbicaraan

mereka yang terlibat baru-baru ini, barangkali tidak payah saya cakapkan, semua orang sudah tahu kerana kalau dapat dicepatkan barangkali mereka yang terlibat itu dapat dihukum jika sabit kesalahannya supaya dapat dijadikan satu contoh tauladan kepada orang-orang lain, apatah lagi pilihanraya umum hampir tiba?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mereka yang ditahan baik bersangkutan-paut dengan kes yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi ataupun mana-mana kes adalah terkandung dalam undang-undang yang tertentu di negara kita.

Saya percaya pihak berkuasa akan mengambil tindakan yang sewajarnya apabila sampai masanya ataupun jika perlu diambil tindakan.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri telah tiga kejadian yang pada anggapan saya yang sepatutnya pihak Pasukan Keselamatan atau Polis negara kita yang mempunyai mata dan telinga yang cekap - saya akui kecekapan ini - tetapi mengapa sehingga tiga kali kejadian pertumpahan darah membawa kematian - satu, di Batu Pahat; dua, di Padang Terap; dan yang akhirnya baru-baru ini di Kampung Memali, Baling. Jika sekiranya pihak Pasukan Keselamatan atau Polis khasnya kalau mendapat maklumat yang lebih awal, mengapa tidak diambil tindakan yang lebih awal sehingga tidak berlaku keadaan yang begitu buruk. Jika keadaan ini tidak diatasi dengan segera, saya khawatir kejadian yang seperti ini mungkin akan berlaku lagi apabila keadaan dan suasana pilihanraya nanti makin dekat, makin panas dan makin hangat.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa yakin bahawa dalam penjelasan yang

diberikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Pemangku Perdana Menteri ketika itu dalam Dewan Rakyat telah pun menjelaskan dengan panjang lebarnya tentang tindakan Pasukan Polis terhadap mereka yang terlibat di dalam kes di Kampung Memali. Saya percaya tidak payahlah saya mengulangkan perkara itu dalam Dewan Negara ini pula. Walau bagaimanapun, saya inginlah menegaskan di sini bahawa jika mereka mengambil tahu tentang Kertas Putih yang telah dibentangkan dahulu dalam Dewan Rakyat dan dalam Dewan ini juga, saya percaya perkara-perkara yang telah berlaku seperti di Kampung Memali tidak akan berlaku lagi.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Soalan tambahan, adakah benar berita yang mengatakan 13 penjenayah yang berlaku di Kampung Memali itu dikebumikan dengan tidak sembahyang dan mandi yang mana mereka itu mensifatkan mati mereka adalah mati syahid. Kalau sekiranya benar, apakah cadangan Kerajaan akan bertindak di atas perbuatan yang menyalahi hukum syarak itu?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir soalan ini telah pun terkeluar jauh daripada soalan yang asal. Saya mohon untuk menjawabnya bila timbul isu yang serupa dan saya berharaplah Yang Berhormat bersabar, dan jika timbul isu yang serupa, boleh kemukakan soalan yang seperti ini.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar bahawasanya berlaku peristiwa di Baling itu dilaksanakan dengan hasutan parti Pembangkang iaitu PAS?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya serupa juga, ini terkeluar daripada

soalan yang asal. Saya reserve untuk komen sehinggalah timbulnya masa yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, jikalau kemukakan soalan tambahan itu, mintalah kerjasama supaya kemukakan soalan yang ada bersangkutan dan yang topical di sini. Jangan bawa perkara yang terkeluar sebab kita pun mahu cari tempoh untuk Menteri-menteri memberi jawapan. Jadi saya minta kerjasama.

HUKUMAN SALAH KEPADA KENDERAAN BESAR

5. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Menteriannya bercadang hendak mengenakan hukuman salah kepada setiap kenderaan besar yang terlibat dengan kemalangan dengan kenderaan kecil seperti yang dijalankan di negara jiran.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan tidak bercadang hendak mengadakan undang-undang yang akan mengenakan hukuman salah kepada setiap kenderaan besar yang terlibat dalam kemalangan dengan kenderaan kecil. Mengikut proses undang-undang negara ini, seseorang pemandu yang terlibat dalam kemalangan hanya boleh disabitkan kesalahan setelah diputuskan oleh mahkamah.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abdul Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini saya kira ada rasa simpati terhadap yang besar dengan yang kecil. Dalam setiap pelanggaran, yang kecil menjadi mangsa mutlak. Adakah kita dapat membuktikan setelah, misalnya, suatu motosikal yang kecil (50 c.c.) telah dilanyak oleh sebuah kenderaan 10

roda, lori umpamanya, bukti yang manakah daripada mangsa ini akan dapat. Jadi sekiranya undang-undang kita ini tidak dipinda, maka lebih ramai lagi mangsa-mangsa akan berlaku. Adakah pihak Kementerian bercadang mengemukakan suatu pindaan kepada peraturan jalan raya yang sangat menampakkan kekejaman terhadap mangsa-mangsa yang kecil itu?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedang berusaha sekarang ini bersama-sama dengan Jabatan Peguam Negara untuk meminda Ordinan Lalu-Lintas, 1958 dan dalam kajian kita itu termasuklah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

PROJEK ENJIN/KOMPONEN KERETA MALAYSIA-INDONESIA

6. Tuan Abdul Ghani bin Othman minta Perdana Menteri menyatakan apakah kemungkinan usaha komplimenteriti enjin dan komponen kereta antara Malaysia dan Indonesia.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan usahasama komplimenteriti projek enjin dan komponen kereta antara Malaysia dan Indonesia dapat diadakan, kemungkinan ini adalah baik oleh kerana strategi yang diikuti oleh kedua-dua negara dalam industri ini menyokong pengwujudan kerjasama yang diperlukan.

Untuk makluman Yang Berhormat, di Indonesia sektor kenderaan bermotor ditumpukan kepada pengeluaran bahan-bahan tempatan kereta perdagangan, atau commercial vehicles, dengan izin, termasuk pembuatan enjin dan komponen-komponen lain. Di sebaliknya pula, rancangan kandungan bahan tempatan

di Malaysia lebih menekankan sektor kereta penumpang, ataupun passenger vehicles, dengan izin.

Memandangkan keadaan ini dan dengan terdapatnya banyak buatan dan model perdagangan dan penumpang yang dipasang di Indonesia dan Malaysia, maka usaha-usaha yang positif mungkin dapat diadakan dalam bentuk komplimentasi komponen-komponen enjin dan bukan enjin berasaskan "buatan ke buatan" (brand to brand complementation).

GURU SISWAZAH SEBAGAIGURU BESAR SEKOLAH RENDAH

7. Tuan Harun bin Hassan minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian Pelajaran bercadang menghantar guru-guru lulusan universiti ke sekolah-sekolah sebagai guru-guru besar dan penolong kanan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak ada cadangan untuk melantik guru-guru siswazah sebagai guru besar atau penolong kanan di sekolah-sekolah rendah.

Dato' G. Pasamanickam: Soalan tambahan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbangkan untuk memberikan jawatan-jawatan sebagai guru besar sekolah-sekolah amnya dan sekolah-sekolah Tamil khasnya, kepada guru-guru yang sudah lama mengajar di sekolah-sekolah tertentu itu dari dilantik muka-muka baru dari sekolah-sekolah atau tempat-tempat yang lain? Bolehkah beri peluang kepada guru-guru penolong kanan sebagai guru besar dalam sekolah itu?

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan itu adalah di luar daripada soalan yang asal. Walau bagaimanapun, sampai

setakat ini dasar Kementerian Pelajaran adalah memberi peluang kepada guru-guru untuk dinaikkan pangkat iaitu dinaikkan kepada guru penolong kanan atau guru besar mengikut beberapa faktor, termasuk faktor yang mustahak adalah seniority, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jikalau contoh yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi iaitu bolehkah penolong kanan di sekolah itu dinaikkan kepada pangkat guru besar mungkin apabila guru besar itu bersara, ini bergantunglah kepada seniority guru penolong kanan itu dan sama ada lain-lain penolong kanan yang lebih senior daripada guru yang disebutkan tadi.

PENYELIDIKAN BAHAN UTAMA/ GALIAN OLEH SAINTIS

8. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan dengan adanya bahan-bahan dan galian-galian yang terdapat di negara ini, tidakkah Kerajaan bertujuan menggunakan saintis kita bagi mencipta benda-benda yang berfaedah.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memanglah bertujuan menggalakkan para saintis kita memainkan peranan yang penting di dalam bidang penyelidikan dan pembangunan yang bertujuan penggunaan bahan-bahan utama negara ini dapat dipertingkatkan untuk mengeluarkan barang-barang siap.

Di Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) umpamanya, para saintis kita bersama-sama dengan saintis asing sedang menjalankan penyelidikan untuk menukarkan minyak kelapa sawit kepada diesel, pengeluaran

vitamin "E" daripada daun-daun kelapa sawit dan berbagai-bagai keluaran yang lain.

Di Malaysian Rubber Producer Research Association, dengan izin, di London, saintis kita juga berkhidmat dalam usaha penyelidikan dalam bidang pengeluaran tayar dan lain-lain barang yang menggunakan getah asli.

Bagi bahan galian pula, beberapa orang saintis tempatan kini terlibat dalam projek mengkaji penggunaan sebatian "orgonotin" bersama-sama dengan Institut Penyelidikan Timah Antarabangsa (ITRI) di London. Di samping itu, Kerajaan sedang menyediakah rancangan supaya para saintis kita berkhidmat di ITRI. Selanjutnya Jabatan Penyiasatan Kajibumi dan Jabatan Galian sedang melaksanakan beberapa aktiviti penyelidikan dan kemajuan dari segi penggunaan bahan-bahan galian yang lain seperti pasir selica, kaolin, batu marmar, amang dan batu kapur untuk kemudahan pengusaha-pengusaha tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 9.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN

9. Tuan Haji Shaharom bin Maasom (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada terdapat Jabatan-jabatan Kerajaan yang masih lagi tidak menguatkuasakan dengan sempurna perkara-perkara yang tekandung di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1979 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Jika sedar, apakah tindakan Kerajaan untuk membetulkan keadaan ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed); Tuan Yang di-Pertua, sekiranya soalan Yang Berhormat Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1979 adalah berlainan daripada Surat Pekeliling Bilangan 4/1979. Surat Pekeliling Bilangan 4 itu adalah bermaksud peperiksaan Kerajaan dan saya hendak tahu adakah Yang Berhormat itu bermaksud tentang peperiksaan am atau berkenaan dengan perlantikan bekas anggota tentera. Saya mohon penjelasan terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tiada di sini. Kalau kita tidak faham dengan pertanyaannya, susah juga hendak menjawab, kerana tidak cukup keterangan yang lanjut, jadi biarlah dia begitu.

LEBUHRAYA—MENSWASTAKAN

10. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau akan menswastakan lebuhraya-lebuhraya di negara ini dengan tujuan mengurangkan bebanan kewangan Kerajaan jika ya, nyatakan bila.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, selaras dengan dasar penswastakan, Kerajaan akan menswastakan lebuhraya-lebuhraya yang belum dibina oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia. Walau bagaimanapun, tarikh penswastakan lebuhraya-lebuhraya tersebut belum lagi ditetapkan dan akan diumumkan sesudah sahaja dapat keputusan muktamad dibuat mengenainya.

Dato' Kamaruzaman bin Ahmad: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar ataupun terfikir jika lebuhraya-lebuhraya yang

akan datang ini diswastakan mendapat keuntungan ataupun meringankan beban Kerajaan dalam segi kewangan.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kerajaan untuk menswastakan lebuhraya-lebuhraya tersebut ialah untuk memberi lebih kemudahan dan semua perbelanjaan telah ditanggung oleh Kerajaan. Itulah tujuannya.

PERTIKAIAN IRAN/IRAQ

li. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato Seri Dr Mahathir telah dilantik sebagai orang tengah dalam pertikaian Iran/Iraq dan sama ada Kementerian telah menerima tawaran ini dan jika tidak mengapa.

6-12-85

16. Datuk Haji Mohd. Din Bin Jaafar minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pencapaian atas perbincangan dalam Pertubuhan Islam Antarabangsa (OIC) yang berlangsung baru-baru ini bagi menamatkan sengketa perang Teluk Iraq/Iran yang telah berlarutan hampir 5 tahun.

13-12-85

26. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Jawatankuasa Damai Islam telah gagal sama sekali mendamaikan di antara Iran dan Iraq dan apakah masalah dihadapi oleh Jawatankuasa tersebut hingga gagal usaha baik mereka.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar bertarikh 6hb

Disember, 1985 dan Senator Tuan Fadzil bin Mahmood yang bertarikh 13hb Disember, 1985 kerana soalan-soalan ini adalah bertujuan sama.

Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya apa yang dibangkitkan dalam soalan Ahli Yang Berhormat tersebut tidaklah begitu tepat. Memang beberapa pendapat terpenting telah diketengahkan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dilantik sebagai orang tengah untuk menyelesaikan pertikaian Iran/Iraq. Tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pula mempunyai pandangan-pandangan lain yang dirasakan mungkin lebih berkesan bagi mengatasi masalah tersebut. Oleh itu, mesyuarat yang berkaitan telah memutuskan agar Pengerusi Jawatankuasa Damai Islam tersebut perlu meneruskan usaha-usaha damai yang telah dilaksanakannya selama ini bagi meneruskan usaha-usaha menyelesaikan perang Iran/Iraq sebagaimana yang telah dimandatkan oleh Sidang Kemuncak Islam yang Ketiga di Taif pada tahun 1981. Sekiranya Jawatankuasa ini mendapati bahawa Pertubuhan Badan Perhubungan ini adalah perlu bagi meneruskan usaha-usaha damai ini untuk mendekati kedua-dua pihak, kita bersedia untuk memberikan kerjasama bersama-sama dengan ahli-ahli Jawatankuasa Damai Islam yang lain jika peranan kita ini diterima oleh Iran/Iraq. Buat masa ini Jawatankuasa Damai masih menunggu riaksi yang positif dari pihak Iran dan Iraq.

Datuk G. Pasamanickam: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri Luar Negeri memberitahu sama ada boleh menimbangkan untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menjadi orang tengah untuk menyelesaikan pertikaian di antara puak-puak Tamil dan Sinhalese di Sri Lanka? (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, minta maaf. Saya minta kerjasama tadi, kalau pertanyaan itu ada sangkut. Ini di luar daripada pertanyaan asal. Jikalau kita mahu pertanyaan ini dijawab, berhubunglah dengan Setiausaha persidangan dan boleh dikeluarkan di sini. Tetapi mengemukakan soalan tambahan macam ini mana boleh?

Tuan Mohd. Yusof bin Haji Md. Nor: Soalan tambahan. Mengenai masalah Iran/Iraq ini yang sudah menjadi begitu lama tetapi sampai sekarang tidak nampak penyelesaian, walaupun Kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah beberapa kali kita pergi ke mesyuarat di Timur Tengah. Bolehkah Menteri memberitahu kepada Dewan ini apakah yang menjadi batu penghalang kepada penyelesaian masalah Iran/Iraq itu?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh Jawatankuasa Damai Islam ini adalah berikutan dari mandat yang diberi oleh Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara Islam iaitu di Persidangan Kemuncak Islam di Taif. Usaha itu telah dijalankan terus menerus semenjak itu dan kita tidak mendapat satu kemajuan dalam usaha penyelesaian kecuali kita mendapat kerjasama penuh ataupun sikap bertolak ansur dan kompromi dan sebagainya dari kedua-dua pihak yang bersengketa. Setakat ini kita tidak mendapat sesuatu persetujuan dari kedua-dua pihak untuk mendapatkan satu penyelesaian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee.

Tuan Loo Swee Mok: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 12.

PINJAMAN PERUSAHAAN KECIL

12. Tuan Loo Swee Mok (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan berapa kes pinjaman untuk perusahaan-perusahaan kecil telah dilulus oleh Bank-bank Perdagangan sejak pengumuman Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini bahawa sektor perusahaan kecil yang memerlukan pinjaman kurang dari \$250,000 dapat diperolehi melalui skim pinjaman khas.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah garis panduan mengenai pinjaman kepada sektor-sektor yang diberi keutamaan, bank-bank perdagangan adalah dikehendaki memberi pinjaman sekurang-kurangnya 5% daripada jumlah pinjaman yang belum dijelaskan pada 13hb Disember, 1980, kepada perusahaan-perusahaan kecil di bawah Skim Pinjaman Khas (SPK) Syarikat Jaminan Kredit di mana sekurang-kurangnya 2.5% daripadanya hendaklah diberikan kepada masyarakat bumiputera. Di bawah skim ini, peminjam-peminjam yang layak boleh meminjam sehingga \$50,000 dengan dijamin oleh Syarikat Jaminan Kredit.

Pada 30hb September, 1985, jumlah pinjaman yang belum dijelaskan yang telah diberikan oleh bank-bank perdagangan kepada perusahaan kecil berjumlah \$3,548 juta berbanding dengan \$3,674 juta pada akhir tahun 1984. Daripada jumlah ini, \$1,153 juta adalah terdiri daripada pinjaman yang diluluskan di bawah Skim Pinjaman Khas di mana \$340.1 juta adalah kepada masyarakat bumiputera. Kerajaan akan terus menggalakkan sektor bank supaya memberikan penumpuan khas dalam pemberian pinjaman kepada sektor ini.

ANCAMAN LANUN TERHADAP NELAYAN MALAYSIA

13. Tuan Mohd Noor bin Bedah minta Menteri Dalam Negeri menjelaskan jumlah kes-kes ancaman lanun terhadap nelayan-nelayan Malaysia di Perairan Laut China Selatan semenjak tahun 1982 hingga sekarang; dan nyatakan jumlah lanun-lanun, senjata-pi dan kapal-kapal laut mereka yang telah dirampas, serta apakah tindakan yang telah dan sedang

dijalankan oleh pihak berkuasa Kerajaan bagi menjamin keselamatan nelayan-nelayan kita selaras dengan berkuatkuasanya Akta Zon Ekonomi Eksklusif.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, perangkaan mengenai ancaman oleh bot-bot asing di perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia terhadap nelayan-nelayan Malaysia adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Kes</i>	<i>Jumlah</i>
1982 hingga Ogos, 1985 ..	Pencerobohan ..	26
1982 hingga Ogos, 1985 ..	Pencerobohan yang di tangkap	748
1982 hingga Ogos, 1985 ..	Bot-bot asing yang di rampas	14

Setakat ini tiada suatu senjata yang telah dirampas daripada mereka.

Ingin saya menjelaskan di sini bahawa orang-orang yang telah melakukan pencerobohan dan serangan tersebut tidak boleh ditakrifkan sebagai lanun menurut Artikel 101 di dalam United Nations Convention on the Law of the Sea 1982. Mereka disifatkan sebagai penjenayah-penjenayah laut yang telah melakukan jenayah di perairan Wilayah Malaysia.

Pihak Polis Merin sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan bersama dengan Tentera Laut Diraja Malaysia untuk memberi perlindungan kepada nelayan-nelayan kita dengan menjalankan rondaan-rondaan berterusan oleh botronda-botronda di sepanjang perairan Malaysia. Selain dari ini, Polis juga mengambil langkah-langkah pengawalan seperti berikut:

- (1) Menempatkan dan menugaskan anggota Pasukan Polis Hutan (PPH) di kawasan tertentu, pantai dan pulau-pulau yang sensitif;

- (2) Pemeriksaan oleh anggota-anggota Pasukan Polis Hutan dan Polis Merin di pulau-pulau yang didiami orang dari masa ke masa untuk menentukan keselamatan penduduk;
- (3) Meningkatkan penugasan rondaan dan sekatan laut dan serbuan oleh Bot-bot PZ/PX dan botronda-botronda kecil jenis lain di kawasan strategik dan sensitif;
- (4) Melaksanakan strategi-strategi operasi khas di kawasan yang difikirkan sensitif mengikut keperluan semasa; dan
- (5) Penggunaan pesawat unit udara Polis Diraja Malaysia untuk mengesan dan melapor balik maklumat-maklumat kejadian pencerobohan ataupun melanggar undang-undang kepada botronda-botronda yang bertugas.

Puan Hasanah binti Mohd. Kassim: Tuan Yang di-Pertua, apakah perbezaan antara penjenayah dengan lanun? Harap dapat penjelasan.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah terangkan, mereka yang melakukan jenayah di laut di perairan Wilayah Malaysia adalah ditakrifkan mengikut undang-undang yang diluluskan oleh United Nations pada tahun 1982 sebagai penjenayah-penjenayah sahaja, bukan diiktirafkan sebagai lanun. Saya fikir perkara lanun ini adalah satu perkara yang meliputi perkara yang lain, luar daripada bidang kuasa kita sendiri.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada jumlah angka 26 pencerobohan yang melibatkan 748 orang itu, pada kacamata Kementerian Dalam Negeri, adakah angka ini membimbangkan ataupun tidak?

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

DUTI IMPORT DAN CUKAI TOKOK

14. **Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Kewangan menyatakan oleh kerana perangkaan menunjukkan duti import dan cukai tokok berjumlah 15% sahaja bagi Hasil Persekutuan 1984, mengapakah pihak Kementerian tidak menambahkan peratusannya, menjadi 20% atau 25% dalam tahun 1985.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua cara bagaimana Kerajaan boleh menambahkan hasil daripada duti import dan cukai tokok iaitu dengan menggalakkan pengimportan barang-barang dan dengan menaikkan duti atas barang yang diimport. Walau bagaimanapun, terdapat implikasi yang berbeza dari kedua-dua cara tersebut. Penggalakan pengimportan bermakna Kerajaan haruslah menurunkan duti import supaya lebih banyak barang-barang yang dapat

diimport dan cara ini sebagaimana Yang Berhormat semua maklum adalah bertentangan dengan dasar Kerajaan sekarang untuk menggalakkan penggunaan barang-barang buatan tempatan di kalangan rakyat negara ini. Tambahan pula, dari segi perdagangan cara ini juga boleh memberikan kesan yang buruk ke atas imbalan pembayaran negara kita walaupun hasil dari import akan bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cara kedua iaitu dengan menaikkan duti import, didapati cara ini juga mempunyai kelemahan-kelemahan tertentu kerana kenaikan duti barangan akan mengurangkan pengimportan dan ini menyebabkan tambahan hasil yang dijangka tidak akan diperolehi. Tambahan pula, pengalaman menunjukkan bahawa duti import yang tinggi biasanya boleh menggalakkan penyeludupan dan sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, ini sudah tentu akan merugikan Kerajaan.

Memandangkan kedua-dua cara yang tersebut di atas mempunyai kelemahan-kelemahan yang tertentu, maka adalah sukar untuk Kerajaan menambahkan hasil dari duti import dan cukai tokok dalam jangka masa pendek. Walau bagaimanapun, penambahan itu boleh diharapkan melalui pertumbuhan biasa dalam jangka masa yang panjang.

PETRONAS—PENUTUPAN PELANTAR MINYAK

15. **Tuan Hassan bin Nam** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah sebabnya penutupan pengeluaran minyak di dua buah pelantar minyak PETRONAS dekat pantai Timur Terengganu;
- (b) adakah kerana sudah kehabisan bahan berkenaan di kedua-dua pelantar minyak tersebut; dan

- (c) adakah benar minyak keluaran negara ini dieksport keluar negeri, sebaliknya pula kita mengimport minyak dari luar untuk kegunaan negara kita, kalau ya, mengapakah minyak negara ini tidak boleh digunakan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, penutupan dua pelantar minyak di luar pantai Terengganu adalah atas arahan Kerajaan untuk mengurangkan kadar pengeluaran minyak bagi tahun 1985 sebagai langkah menunjukkan sokongan kita terhadap usaha-usaha OPEC untuk menstabilkan harga minyak mentah. Sungguhpun demikian, kedua-dua buah pelantar tersebut akan meneruskan operasi pengeluarannya apabila kadar pengeluaran minyak mentah negara dipertingkatkan kelak ataupun difikirkan perlu.

Adalah benar bahawa syarikat-syarikat minyak di negara kita mengeksport sebahagian besar daripada keluaran minyak mentah. Di samping itu, syarikat-syarikat tersebut juga mengimport minyak mentah untuk memenuhi keperluan dalam negeri.

Ini adalah kerana minyak mentah kita ialah dari jenis "light" (light crude) bermutu tinggi dan terpaksa dieksport kerana bahan-bahan petroleum yang dihasilkan darinya tidak dapat memenuhi corak permintaan yang diperlukan di dalam negara kita, seperti "fuel oil", yang mana boleh diperolehi dari minyak jenis "heavy" (heavy crude) yang lebih rendah mutunya dan boleh diimport. Selain dari ini, minyak mentah jenis "light" pada masa ini adalah lebih tinggi harganya berbanding dengan minyak mentah jenis "heavy". Maka dengan menjual minyak "light crude" itu kita mendapat lebih banyak pertukaran wang asing atau "foreign exchange" untuk negara kita.

Namun demikian, sejak kebelakangan ini permintaan dalam negeri bagi bahan-bahan petroleum yang tinggi mutunya seperti minyak petrol dan jet fuel telah bertambah. Jadi, untuk memenuhi keperluan ini beberapa syarikat minyak tempatan, seperti Shell dan Esso, telah mula menambah jualan ke atas keluaran minyak mentah "light crude" kita yang diproses di dalam negara kita ini.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menerangkan bahawa PETRONAS sendiri tidak mengimport minyak mentah, dan kilang penapis minyaknya di Kerteh, Terengganu, sejak ianya mula beroperasi dalam tahun 1983 hanya memproses minyak mentah kita, iaitu jenis Tapis.

Dato' G. Pasamanickam: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah sebabnya Malaysia belum mendirikan industrinya sendiri untuk memproses minyak mentah kita yang didapati di negara kita untuk mengelakkan pemerosesan dijalankan di luar negeri. Apa sebab kita tidak ada dalam negara kita.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini sebenarnya adalah tidak benar kalau mengatakan negara kita sendiri ataupun PETRONAS sebagai agensi negara kita belum mendirikan industri yang memproses minyak. Sebab baru juga saya katakan tadi kita mempunyai satu kilang memproses minyak di Kerteh, Terengganu dan kilang memproses minyak ini boleh memproses 30,000 tong minyak mentah sehari.

Selain daripada ini syarikat-syarikat yang ada hubungan dengan negara kita terutama sekali Shell dan Esso mempunyai kilang-kilang memproses minyak di negara kita. Shell mempunyai dua, satu di Port Dickson dan satu di Lutong, dekat Miri, di Sarawak. Dan Esso sendiri

mempunyai satu kilang memproses minyak di Port Dickson.

Semuanya ini boleh menampung lebih kurang hampir 60% keperluan negara kita pada ketika ini; yang bakinya diproses di Singapura dan sebab kita memproses bakinya di Singapura adalah kerana kos memproses itu lebih murah di Singapura daripada kita mendirikan kilang memproses minyak kita sendiri dan mengeluarkan minyak yang telah diproses itu di negara kita.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini sebuah kilang memproses minyak, katakanlah di antara 100,000 dan 120,000 tong minyak mentah sehari dengan sistem yang basic, simple, akan berkehendakkan barangkali hampir-hampir \$3,000 juta untuk membina kilang memproses minyak itu; dan pada ketika ini negara tidak mempunyai kemampuan untuk berbuat demikian, mendirikan satu kilang minyak seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itulah juga kita telah menanggungkan pembinaan kilang pemerosesan minyak di Melaka yang saya fikir Ahli-ahli Yang Berhormat pun telah mengetahuinya.

KONTRAKTOR ASING

16. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Kewangan menyatakan akibat daripada kemerosotan ekonomi negara bolehkah beliau memberi jaminan bahawa kontrak-kontrak yang bernilai beratus-ratus juta ringgit untuk projek-projek Kerajaan tidak akan diberi kepada kontraktor-kontraktor luar negeri khususnya kontraktor-kontraktor asing dari Negeri Jepun dan Korea Selatan.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan bahawa seberapa yang boleh sebarang perolehan Kerajaan akan dilakukan melalui tender di dalam

negeri sahaja. Tender antarabangsa walau bagaimanapun adalah diadakan bagi projek-projek yang dibiayai oleh institusi-institusi kewangan antara-bangsa. Pertimbangan ke atas tawaran ini adalah diasaskan kepada harga yang paling rendah.

USAHASAMA MENANGKAPIKAN DI ZON EKONOMI EKSKLUSIF

17. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latiff minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada benar bahawa Kerajaan bercadang menjalankan usahasama menangkap ikan di Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) dengan Negara Thai, adalah disebabkan rompakan dan gangguan dilakukan oleh nelayan-nelayan dari Negara Thai dan juga disebabkan netayan Negara ini tidak mempunyai kecekapan dan pengalaman menangkap ikan di laut dalam. Jika benar dapatkah Menteri yang berkenaan memberitahu:

- (a) dapatkah diberi jaminan bahawa keselamatan para nelayan Negara ini di masa akan datang terjamin dengan adanya usahasama itu;
- (b) adakah Kerajaan bercadang memberi latihan kecekapan dan kemahiran kepada nelayan Negara ini menangkap ikan di Zon Ekonomi Eksklusif; dan
- (c) tidakkah boleh diketatkan lagi kawalan perairan kita bagi menjamin nelayan tidak diganggu dan alat-alat menangkap ikan mereka tidak dimusnahkan oleh nelayan asing tanpa membuat perjanjian usahasama yang dicadangkan itu.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa pencerobohan bot-bot nelayan Thai di perairan Malaysia dan usaha untuk meningkatkan kecekapan dan

pengalaman nelayan-nelayan tempatan dalam penangkapan ikan di perairan laut dalam adalah di antara beberapa sebab mengapa Kerajaan bercadang mengadakan usahasama menangkap ikan di Zon Ekonomi Eksklusif dengan negara Thai. Di antara syarat yang dikemukakan kepada Kerajaan Thai ialah untuk menjamin pencerobohan bot-bot nelayan Thai dapat dikawal dan dihapuskan jika usahasama tersebut hendaklah diadakan. Di samping mengadakan usahasama tersebut Kerajaan juga akan mengadakan latihan bagi nelayan-nelayan negara ini yang akan menangkap ikan di Zon ZEE.

Pada masa ini kawalan di perairan negara kita sudah ditingkatkan, namun demikian adalah difikirkan bahawa dengan mengadakan perjanjian usahasama tersebut usaha untuk membanteras pencerobohan oleh bot-bot nelayan Thai akan menjadi lebih berkesan. Dengan itu kadar pencerobohan oleh bot-bot Thai dapat dikurangkan.

Saya ingin juga mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, untuk menjelaskan bahawa walaupun ada beberapa kemajuan dalam perbincangan awalan dengan pihak Kementerian Pertanian dan Perikanan Thai, namun begitu tidak akan diambil sebarang langkah untuk mewujudkan perjanjian ini sebelum ada persefahaman yang nyata dengan nelayan-nelayan tempatan kita khususnya Persatuan Nelayan dan Persatuan Nelayan Kebangsaan.

Yang keduanya sebarang langkah dalam menjayakan usahasama tersebut tentunya akan melibatkan penyertaan yang aktif dan secara langsung oleh Persatuan-persatuan Nelayan tempatan ataupun Persatuan Nelayan Kebangsaan.

Tuan Ahmad bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah benar usahasama yang dirancangan ataupun diusahakan oleh pihak Menteri dengan pihak Kerajaan Thai di dalam usahasama nelayan-nelayan kita betul-betul memberi keuntungan kepada nelayan-nelayan Malaysia kerana saya lihat daripada segi pandangan di dalam usahasama yang diusahakan sekarang ini nampaknya keuntungan telah pun dapat daripada Kerajaan Thai terlebih dahulu sebelum dilaksanakan usahasama ini yang memberi faedah dan keuntungan kepada nelayan kita.

Misalnya kita dalam usaha perundingan Kerajaan Thai telah pun membawa ikan-ikannya melalui Bukit Kayu Hitam dengan mudah, kita baru hendak berunding tetapi nelayan-nelayan kita telah pun menerima ancaman yang begitu pedih kalau kita lihat. Adakah rancangan Kerajaan hendak mengadakan usahasama ini benar-benar memberi keuntungan kepada nelayan-nelayan kita di masa yang akan datang?

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, perlulah saya jelaskan bahawa cadangan usahasama ini adalah dalam rangka kerjasama di antara Malaysia dan Thailand. Ada beberapa langkah yang telah diambil secara positif oleh Kerajaan Thai sama ada dalam bidang keselamatan ataupun dalam bidang pertanian khususnya dalam pembangunan pertanian kawasan Lembah Sungai Golok dan selagi tidak ada kerjasama yang positif dari pihak Kerajaan Thai, maka pembangunan pertanian di kawasan Leimbah Sungai Golok termasuk Pasir Mas, Rantau Panjang dan sebagainya akan terjejas. Pihak Thai telah pun memberi persetujuan mereka.

Dalam langkah kerjasama sedemikianlah kita telah mengambil satu persetujuan pada prinsipnya untuk meneruskan perbincangan

mengenai cadangan tersebut. Saya menerima baik peringatan dan teguran Ahli Yang Berhormat supaya memastikan agar perjanjian ini benar-benar menjamin kepentingan dan memastikan keuntungan kepada nelayan-nelayan Malaysia di samping nelayan-nelayan Thai.

Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa kita tidak akan meneruskan cadangan ini sekiranya nelayan-nelayan kita tidak berpuas hati bahawa rancangan ini akan merugikan mereka atau tidak menguntungkan mereka. Sekiranya rancangan ini boleh membawa keuntungan kepada mereka lebih-lebih lagi kerana mereka sendiri akan terlibat dalam joint-venture, usahasama ini, mereka sendiri akan memegang ekuiti dan mereka sendiri akan mendapat kesempatan dalam latihan dan pemindahan teknologi tersebut, saya percaya mereka akan menerima secara positif.

Walau bagaimanapun sekiranya mereka memikirkan di sebaliknya sukarlah bagi pihak saya kerana bukan syarikat saya terlibat tetapi kepentingan nelayan, sukarlah bagi kita untuk meneruskan rancangan usahasama tersebut.

Tuan Harun bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Menteri menyedari bahawa cadangan usaha kerjasama ini tidak mendapat persetujuan di kalangan nelayan tempatan, malah mereka telah pun membuat bantahan secara berterus terang. Kalau sekiranya Yang Berhormat Menteri menyedari penentangan ini, apakah sebab mereka menentang rancangan tersebut?

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian bahkan Kerajaan memang menyedari ada bantahan dari kalangan nelayan-nelayan terhadap cadangan usahasama ini tetapi kebanyakan daripada bantahan ini timbul akibat dari

bantahan mereka terhadap pencerobohan dan ancaman pukut-pukat tunda Thai sendiri. Mereka mahu satu jaminan yang tegas bahawa pencerobohan ini akan dapat dikurangkan bahkan diselesaikan semua sekali. Sebab itulah dalam cadangan balas kita kepada pihak negara Thai kita menjelaskan bahawa sukar bagi kita untuk meneruskan perbincangan bagi menjayakan cadangan ini selagi tidak ada suatu tindakan yang positif oleh pihak Kerajaan Thai untuk memastikan bahawa pencerobohan-pencerobohan ini dielakkan ataupun dikurangkan,

Saya juga harus menjelaskan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sejak perundingan ini diadakan pihak Thai telah pun mengambil satu tindakan yang positif, mungkin buat pertama kalinya untuk menjamin supaya pihak nelayan Thai tidak terus menceroboh ke kawasan perairan Malaysia bahkan ketegasan mereka itu ialah dengan keputusan mereka mengenakan hukuman kepada mana-mana nelayan Thai yang didapati menceroboh ke kawasan perairan Malaysia.

Dalam dialog-dailog yang diadakan di antara Kementerian dan nelayan-nelayan, kita dapati inilah persoalan besar yang dibangkitkan. Mereka juga ingin mengetahui siapa yang akan mengaup keuntungan daripada usahasama ini. Setelah kita jelaskan bahawa usahasama ini akan melibatkan persatuan-persatuan nelayan dan persatuan nelayan kebangsaan sendiri maka tentunya bantahan-bantahan mereka pun jauh lebih berkurangan.

Saya telah memberitahu kepada mereka janganlah membantah sebelum kita mendapat keterangan yang lanjut dari janganlah kita mengambil satu sikap yang terlalu negatif sehingga menolak kenyataan bahawa kita mesti hidup dengan berbaik-baik dengan jiran kita dan menunjukkan kemungkinan untuk

mengadakan kerjasama di mana yang perlu asalkan kepentingan kita tidak terjejas.

Setelah penjelasan-penjelasan ini saya dapati ada kesediaan pihak nelayan-nelayan tempatan untuk berbincang dan menunggu syarat-syarat yang dikemukakan dan dipersetujui sebelum keputusan muktamad dicapai.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tempoh untuk soal jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 18 hingga 32 adalah diberi di bawah ini).

PINJAMAN BANK BAGI URUSNIAGA

18. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementerian berkenaan sedar bahawa ada bank-bank perniagaan yang mengenakan syarat-syarat urusniaga yang ketat yang menyebabkan ramai pelanggan-pelanggan tidak mendapat kemudahan pinjaman dan sebagainya. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian supaya peniaga-peniaga tidak terjejas dalam urusan perniagaan mereka.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Keadaan kemelesetan ekonomi sekarang telah menjejaskan dayamaju sejumlah besar projek-projek akibat daripada kelembapan dalam jualan. Justru itu, banyak bank telah mengambil langkah berwaspada dalam kegiatan pemberian pinjaman mereka untuk mengurangkan pendedahan kepada pinjaman-pinjaman lapuk. Namun begitu, bank-bank telah diingatkan bahawa dalam keadaan ekonomi yang lembab sekarang, mereka sepatutnya lebih memahami dan terus memberikan pertolongan untuk

mengurangkan bebanan, terutamanya terhadap permohonan pinjaman daripada pengusaha-pengusaha kecil. Walau bagaimanapun, bank-bank mesti terus mengambil kira dayamaju sesuatu projek yang hendak dibiayai itu. Di pihak peminjam-peminjam pula, mereka hendaklah berhati-hati supaya mereka tidak meminjam dengan berlebihan. Kerajaan akan terus menggalakkan sektor bank supaya memberikan penumpuan khas dalam pemberian pinjaman kepada sektor-sektor yang diberi keutamaan.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI BAHAMAS

19. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kesan di atas kehadiran dan ucapan Perdana Menteri di Bahamas sempena Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel baru-baru ini.

22. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan Perdana Menteri ke Bahamas baru-baru ini.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel di Nassau, Bahamas, daripada 16hb-19hb Oktober, 1985 baru-baru ini telah mendapat sambutan yang baik daripada pemimpin-pemimpin Komanwel yang lain kerana ini merupakan kali pertama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyertai Mesyuarat tersebut semenjak menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981. Mereka percaya bahawa dengan penyertaan ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dikenali ramai sebagai seorang pemimpin yang dinamik, akan dapat menyumbang pendapat-pendapat yang konstruktif dan berkesan untuk memperkukuhkan lagi Pertubuhan Komanwel ini. Dalam

ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di upacara pembukaan Mesyuarat di Nassau itu, tajuk-tajuk utama yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merujuk kepada masalah genting mengenai dasar apartheid Rejim Afrika Selatan dan keadaan kemerosotan ekonomi dunia yang telah mengakibatkan kebanyakan negara-negara membangun menderita.

Ucapan Yang Amat Berhormat yang terus-terang dan tegas itu terutama mengenai Rejim Afrika Selatan di mana beliau telah menggesa supaya semua ahli-ahli Komanwel hendak-hendaknya Britain mengambil tindakan sekatan ekonomi yang berkesan untuk memaksa Rejim Afrika Selatan menghapuskan dasar apartheidnya itu, telah dialu-alukan oleh delegasi-delegasi yang hadir.

Akibat desakan yang kuat dari Malaysia dan juga dari negara-negara Afrika serta juga negara-negara Australia, Kanada, India dan New Zealand, satu persetujuan telah dicapai untuk mengenakan sekatan-sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan.

Selain daripada itu, ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyentuh mengenai kegagalan Pertubuhan Komanwel dalam memberi faedah kepada negara-negara yang kurang maju dalam pertubuhan tersebut dan seruan Yang Amat Berhormat supaya Pertubuhan berkenaan diubahsuai untuk kebaikan bersama semua ahli-ahli telah mendapat perhatian penuh oleh semua delegasi di Mesyuarat tersebut.

SKIM AMAL JARIAH

20. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau berpuas hati dengan sambutan orang-orang Islam terhadap Skim Amal Jariah dan berapakah

jumlah wang yang telah dapat dikumpulkan melalui skim itu sehingga 31hb Oktober, 1985. Jika Perdana Menteri belum berpuas hati, apakah tindakan selanjutnya akan dibuat supaya matlamat skim itu tercapai sepenuhnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Sambutan orang-orang Islam terhadap Skim Sumbangan Amal Jariah setakat ini adalah memuaskan. Memandangkan urusan itu baru saja dilaksanakan, saya berpuas hati dengan sambutan yang telah diberikan.

Sehingga akhir Oktober, 1985, jumlah wang yang terkumpul melalui skim tersebut ialah sebanyak \$696,000. Pungutan bagi sebulan ialah sebanyak \$187,000. Untuk meningkatkan lagi sumbangan itu, usaha-usaha sedang dibuat dengan memberi penerangan kepada kakitangan dalam sektor awam supaya memberi sumbangan melalui skim potongan gaji, dan melantik seorang wakil perhubungan di Jabatan-jabatan Kerajaan untuk melicinkan skim tersebut.

PEGAWAIDIJABATAN PENUNTUT MALAYSIA LUAR NEGERI

21. Puan Habibah binti Abdul Ghani minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramaikah pegawai-pegawai yang ditempatkan di Pejabat Penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri untuk menjaga kepentingan pelajar-pelajar. Adakah benar pelajar-pelajar yang berada di luar negeri kadangkala mengalami kesukaran untuk berjumpa dengan pegawai-pegawai betkenaan.

Dato Dr Ling Liong Sik: Buat masa ini terdapat 114 orang pegawai yang telah dihantar oleh Kerajaan untuk

bertugas di Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri.

Berkenaan dengan dakwaan yang pelajar-pelajar mengalami kesukaran untuk berjumpa dengan pegawai-pegawai, suka saya menerangkan bahawa pegawai-pegawai yang bertugas di Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia menjalankan tugas-tugas mereka selama 24 jam sehari tanpa mengira masa untuk menjaga hal ehwal kebajikan pelajar-pelajar kita. Walau bagaimanapun kesukaran bagi pelajar-pelajar untuk berjumpa dengan pegawai-pegawai mungkin berlaku seperti di Amerika Syarikat di mana pelajar-pelajar menuntut di universiti-universiti yang letaknya beratus-ratus atau beribu-ribu batu dari JPM Washington, Los Angeles dan Chicago.

(Soalan No. 22. Sila lihat Jawapan No. 19).

AMARAN HAD LAJU BAGI KENDERAAN

23. Tuan Nasir bin Haji Manap minta Menteri Pengangkutan menyatakan jenis-jenis kenderaan berat yang diwajibkan memasang alat-alat amaran had laju dan bilakah tarikhnya akan dikuatkuasakan.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Jenis-jenis kenderaan berat yang diwajibkan memasang alat amaran had laju ialah kenderaan barangan, bas persiaran dan bas ekspres yang dilesenkan di bawah Bahagian V Ordinan Lalulintas Jalan 1958 dengan berat muatan maksima yang dibenarkan 4,500 kilogram atau lebih.

Undang-undang yang mewajibkan pemasangan alat amaran had laju itu telah pun mula dikuatkuasakan pada 1hb Julai, 1985 yang lalu, iaitu bagi kenderaan-kenderaan yang didaftarkan pada atau selepas 1hb Julai, 1985.

Kenderaan-kenderaan berkenaan yang didaftarkan sebelum 1hb Julai, 1985, hendaklah dipasang dengan alat amaran had laju pada atau sebelum 31hb Disember, 1985.

DISIPLIN MURID-MURID

24. Tuan Haji Mohamed bin Yahaya minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk membaiki disiplin murid-murid yang semakin buruk terutama di peringkat menengah.

Dato Dr Ling Liong Sik: Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil berbagai langkah untuk membaiki disiplin murid-murid, terutama di sekolah-sekolah menengah. Antara langkah-langkah itu ialah:

- (1) Mempertingkatkan kecekapan guru-guru melalui kursus-kursus, bengkel-bengkel dan sebagainya.
- (2) Mempertingkatkan, kecekapan Pengetua-pengetua dan Guru-guru Besar dalam hal-hal pengurusan sekolah termasuk pengurusan disiplin murid-murid melalui kursus-kursus dan bengkel-bengkel.
- (3) Mengeluarkan buku-buku panduan seperti:
 - (i) Buku Panduan Am Disiplin Sekolah;
 - (ii) Buku Panduan Disiplin Sekolah Untuk Ibubapa;
 - (iii) Buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru-guru;
 - (iv) Buku Panduan Penyalahgunaan Dadah.

dan lain-lain surat pekeling yang dihantar ke sekolah-sekolah dari semasa ke semasa.

- (4) Penegasan pelaksanaan gerakerja ko-kurikulum sekolah yang menitikberatkan penyemaian nilai-nilai pendidikan dan interaksi di kalangan murid-murid.
- (5) Menubuhkan Unit Disiplin di Bahagian Sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran dan penempatan pegawai-pegawai disiplin di Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri.
- (6) Program-program lain yang dilaksanakan dari semasa ke semasa seperti sambutan Hari Kebangsaan, Pertandingan Pidato, Syarahan, Sukan dan lain-lain kegiatan yang melatih murid-murid berdisiplin,

Dengan langkah-langkah ini disiplin murid-murid sekolah sebenarnya tidak merosot sebagai contoh pada tahun 1983 seramai 117 orang murid telah dikenakan tindakan buang sekolah. Tetapi bagi tahun 1984, hanya 31 orang sahaja telah dikenakan tindakan ini. Bilangan ini adalah sangat kecil jika dibandingkan dengan jumlah bilangan murid sekolah menengah seramai lebih kurang 1.2 juta orang.

PROTON SAGA—KOMPONEN KERETA

25. Tuan Haji Shuaib bin Lazim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa peratusan komponen-komponen kereta Proton Saga yang digunakan oleh kereta Proton Saga adalah tidak memuaskan dan jika benar bilakah kereta Proton Saga akan menggunakan komponen tempatan sahaja.

Datuk Dr James P. Ongkili: Pertanyaan ini telah saya jawab bersama-sama pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Kamaruzaman Ahmad pada 2 Disember, 1985. Saya tidak bercadang membuat apa-apa tambahan.

PENGANGGURAN

26. Tuan Ng Ah Poi minta Menteri Buruh menyatakan bilangan penganggur terdapat di Malaysia dan juga menyatakan adakah Kerajaan masih berhajat mengimport pekerja-pekerja dari negeri asing.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Mengikut laporan ekonomi tahun 1985/1986 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pada 25hb Oktober, 1985, perangkaan terbaru jumlah pengangguran ialah dianggarkan 413,300 orang atau pada kadar 7% dari jumlah tenaga kerja yang ada.

Kerajaan bersetuju membawa masuk buruh asing dari negara-negara ASEAN, India dan Bangladesh semata-mata dengan tujuan untuk mengisikan kekurangan tenaga pekerja dalam sektor industri pembinaan dan perladangan. Tindakan ini diambil sebagai langkah terakhir setelah Kerajaan berpuas hati bahawa majikan-majikan tempatan benar-benar berusaha tetapi gagal untuk mendapatkan tenaga kerja tempatan di dalam kedua-dua industri tersebut.

PENDATANG HARAM—KEMASUKAN

27. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah positif yang telah dan akan diambil bagi mencegah kemasukan pendatang haram ke negara ini dan nyatakan:

- (a) bilangan mereka yang telah diberkas dan telah dihantar pulang ke negara mereka semenjak bulan Januari, 1985; dan
- (b) bilangan yang bertanggungjawab kepada mereka dan telah dihukum.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Kementerian Dalam Negeri sedang meningkatkan kawalan di semua pintu masuk ke negara ini serta memesatkan lagi rondaan di kawasan pengairan dan sempadan daratan bagi mencegah kemasukan pendatang haram. Tugas ini dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen, Polis Diraja Malaysia. Di samping itu, Kerajaan juga telah memperluaskan tanggungjawab Pasukan Petugas VII untuk mencegah pendatang-pendatang haram daripada memasuki Malaysia.

Sepanjang tahun 1985, seramai 16,527 orang pendatang haram telah ditangkap serta diusir keluar ke negara-negara asal mereka, dan 61 orang didakwa di mahkamah di bawah Akta Imigresen kerana mereka disyaki telah memberi perlindungan kepada pendatang-pendatang haram di negara ini.

PUSAKABUMI—PENDAFTARAN KONTRAKTOR BUMIPUTERA

28. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa Kerajaan pernah menyarankan pada pertengahan tahun 1983 bahawa pegawai-pegawai yang sedang bekerja di agensi-agensi pelaksanaan dan terlibat dalam proses pendaftaran dan penggredan kontraktor-kontraktor akan dipindahkan ke PUSAKABUMI tetapi sehingga ini tujuan tersebut masih belum dilakukan; dan
- (b) sama ada beliau sedar bahawa ramai kontraktor Bumiputera ketika ini mengeluh bahawa proses pendaftaran dan penggredan di PUSAKABUMI mengambil masa yang lama sehingga ada kontraktor terjejas untuk mendapat kerja.

Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed: Sungguhpun pada awalnya ada cadangan supaya para pegawai daripada jabatan-jabatan yang terlibat dalam urusan pendaftaran kontraktor ditukarkan ke PUSAKABUMI, tetapi setelah dibuat penelitian mendalam, adalah didapati bahawa kebanyakan pegawai-pegawai itu tidak menguruskan hal-hal pendaftaran kontraktor secara seratus peratus.

Mereka juga menjalankan tugas-tugas lain. Bagi mengelakkan terjejasnya kerja-kerja di jabatan-jabatan berkenaan, keputusan telah dibuat supaya mereka kekal di jabatan masing-masing. Sebaliknya pegawai-pegawai lain telah dihantar untuk memenuhi keperluan PUSAKABUMI.

Kontraktor-kontraktor kerja yang sedia berdaftar dengan pelbagai jabatan dan agensi Kerajaan boleh terus memasuki mana-mana tender yang berkenaan dengan jabatan dan agensi yang mendaftarkan mereka. Oleh yang demikian, tidaklah seharusnya timbul keluhan daripada kontraktor-kontraktor yang berkenaan bahawa proses pendaftaran di PUSAKABUMI menjejaskan peluang-peluang mereka untuk mendapat kerja. Kerja memproses permohonan pendaharan baru tidaklah mengambil masa yang terlalu lama jika sekiranya pemohon-pemohon mengemukakan semua keterangan dan dokumen yang diperlukan oleh pihak PUSAKABUMI. Walau bagaimanapun, PUSAKABUMI sedang berusaha mempercepatkan lagi urusan proses pendaftaran kontraktor.

IMBANGAN PERDAGANGAN MALAYSIA—CHINA

29. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah

Kementerian ini bercadang akan mengimbangkan barang-barang dagangan dari Malaysia ke Negara China sesuai dengan dagangan dua hala (antara Malaysia dengan China) supaya pengaliran wang keluar ke negara tersebut dapat ditarik balik.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Kerajaan memang menyedari bahawa kedudukanimbangan Perdagangan antara Malaysia dan Republik Rakyat China (RRC) adalah menguntungkan negara tersebut. Menyedari kedudukan ini, Kerajaan, khususnya Kementerian saya sentiasa berusaha untuk memperbaiki keadaan itu dengan menjalankan usaha-usaha galakan eksport ke RRC. Usaha-usaha yang dibuat setakat ini bukan sahaja untuk menggalakkan eksport bahan-bahan utama malahan barang-barang perkilangan siap dan separuh siap.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian saya dan lain-lain Kementerian serta agensi Kerajaan telah dan akan terus menganjurkan lawatan rombongan-rombongan galakan eksport serta menyertai pameran perdagangan di RRC dari masa ke semasa. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengadakan lawatan rasmi ke RRC yang antara lainnya ialah untuk memperbaiki lagi hubungan perdagangan dua hala antara kedua-dua negara.

PENDATANG HARAM INDONESIA

30. Tuan Paramjit Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pendatang haram Indonesia yang masuk ke negara kita sehingga hari ini;

(b) sama ada Kerajaan sedar bahawa sejumlah besar kejadian merompak dan pecah-rumah sebenarnya dilakukan oleh pendatang-pendatang haram Indonesia ini; dan

(c) nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengenalpasti tempat-tempat pendatang haram menyeludup masuk ke negara ini dan tindakan yang diambil untuk mencegah kedatangan mereka.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Sepanjang tahun 1985, Kementerian Dalam Negeri telah mengesan, menangkap dan mengusir keluar 10,709 orang pendatang haratn Indonesia.

Maklumat menunjukkan bahawa hanya 2.42% kes samun dan 1.68% kes pecah rumah adalah disyaki telah dilakukan oleh pendatang-pendatang haram. Ini bermakna bahawa kes jenayah yang dilakukan oleh pendatang-pendatang haram di negara ini adalah rendah.

Kementerian Dalam Negeri telah mengenalpasti dan akan terus mengesan tempat-tempat pendaratan pendatang haram di negara ini. Selanjutnya, langkah-langkah yang sesuai sedang diambil untuk meningkatkan kawalan di pintu-pintu masuk rasmi ke negara ini serta memesatkan lagi rondaan di kawasan pengairan dan sempadan daratan bagi mencegah kemasukan pendatang-pendatang haram. Tugas ini dilakukan bersama oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Tentera Laut Diraja Malaysia. Pada masa ini pihak Kementerian juga sedang mengkaji langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak-pihak lain seperti Rela dan Pasukan Petugas VII bagi mencegah kemasukan pendatang-pendatang haram ke negara ini.

PENDATANG HARAM VIETNAM— PENUTUPAN KEM

31. Tuan Harun bin Hasan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang menutup Kem Pendatang Haram Vietnam Pulau Bidong Terengganu, kalau ya, bila dan kalau tidak mengapa;
- (b) mengikut kajian Kerajaan apakah kesan-kesan negatif yang diterima oleh rakyat tempatan semenjak kem itu diwujudkan sama ada kesan dalam bentuk sosial, ekonomi dan politik;
- (c) semenjak kem itu dibuka hingga sekarang ramai pendatang haram yang telah diberi perlindungan dan berapa pula jumlah mereka yang telah dihantar ke negara-negara ketiga; dan
- (d) bilangan pendatang haram yang lari dari kem tersebut, kalau ada berapa ramai dan sejauh mana langkah-langkah berkesan telah diambil untuk mencegah perbuatan ini.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Kerajaan tidak bercadang untuk menutup Kem Penempatan Sementara Pendatang Haram Vietnam di Pulau Bidong atau berpindah ke tempat lain selagi sakibaki Pendatang Haram Vietnam masih berada di negara ini. Kem ini akan segera ditutup apabila kesemua Pendatang Haram Vietnam dipindahkan ke negara-negara ketiga dan tiada lagi pendaratan berlaku. Pendirian Kerajaan ini adalah berdasarkan kepada sikap perikemanusiaan dan komitmen sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Setakat ini, Kerajaan tidak mengesan timbulnya sebarang kesan-kesan negatif terhadap rakyat tempatan semenjak kem ini diwujudkan.

Semenjak bulan Mei, 1975 sehingga 30 November, 1985, seramai 204,983 orang Pendatang Haram Vietnam telah mendarat Malaysia dan seramai 199,032 orang daripada mereka telah dipindahkan ke 30 buah negara ketiga.

Sehingga sekarang hanya 9 orang Pendatang Haram Vietnam telah berjaya melarikan diri dari Pulau Bidong dan dipercayai telah pulang ke negara asal mereka, kerana tidak sabar menanti untuk dipindahkan ke negara ketiga. Beberapa langkah telah diambil untuk memperketatkan lagi kawalan ke atas Pendatang Haram Vietnam di Pulau Bidong. Di antaranya adalah mengenakan perintah berkurung pada sebelah malam dan mengadakan rondaan di laut dan di darat.

PENYAKIT AIDS

32. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Menteri Kesihatan menyatakan keadaan terkahir berkenaan penyakit AIDS di Negara ini. Adakah pernah kajian dibuat tentang sejauh manakah kejadian hubungan sejenis berlaku di Negara irii.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga tarikh ini, tiada kes AIDS yang telah dikesan di negara ini. Kementerian Kesihatan tidak mempunyai angka-angka mengenai kejadian hubungan sejenis (homosexuality) di Malaysia.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT KEWANGAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.44 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

supaya Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat Kewangan 1969 dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan pindaan-pindaan dalam Akta Bank 1973 beberapa pindaan dicadangkan ke atas Akta Syarikat Kewangan 1969 bagi mengukuhkan lagi sistem kewangan dan mewujudkan sistem kewangan yang lebih stabil. Akta Syarikat Kewangan pada masa ini tidak mehgandungi peruntukan yang mengawal perolehan saham atau menghadkan pemegangan saham dalam syarikat-syarikat kewangan, oleh kerana terdapat juga pengambilan alih saham dalam syarikat kewangan oleh syarikat-syarikat terutama syarikat-syarikat yang disenaraikan di pasaran saham.

Akta Syarikat Kewangan perlu juga dipinda bagi mengelakkan ketidakstabilan dalam institusi kewangan yang boleh menjejaskan kepercayaan umum terhadap sektor kewangan keseluruhannya.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini bertujuan mengadakan seksyen-seksyen baru 28A hingga 28G bagi melarang seseorang daripada melibatkan diri dalam apa-apa perjanjian bagi memperolehi saham tidak kurang dari 5% modal sesuatu syarikat kewangan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Kerajaan. Hak pemegang syer dalam sesuatu syarikat kewangan akan disekat kepada pemegangan maksima sebanyak 10% bagi individu-individu dan 20% bagi syarikat atau syarikat koperasi. Bagi mengelakkan pemegangan bersilang syarikat-syarikat kewangan akan tidak dibenarkan daripada memegang saham dalam syarikat kewangan lain, subsidiari syarikat kewangan lain, bank dan bank saudagar dan bukan dalam kumpulan yang sama.

Walau bagaimanapun, berdasarkan prinsip keadilan dan equiti peruntukan-peruntukan ini tidak akan dikenakan ke atas pemegang-pemegang syer dalam syarikat kewangan yang sedia ada sebelum berkuatkuasanya pindaan-pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Akta Institusi-institusi Kewangan lain bagi menghalang penyalahgunaan kuasa di dalam proses memberi pinjaman. Pindaan dicadangkan juga dalam Akta Syarikat.

Fasal 6 bertujuan mengadakan seksyen 21A baru bagi melarang mana-mana pengarah, pengurus atau kakitangan bank daripada memberi kemudahan kredit yang melebihi had di bawah kuasanya atau bertentangan dengan mana-mana arahan dasar atau prosedur yang ditetapkan oleh syarikat kewangan berkenaan.

Di samping itu, adalah perlu untuk mengadakan peruntukan baru yang sama dalam Akta Syarikat Kewangan bagi membenarkan Bank Negara dengan kelulusan Kerajaan untuk memberi pinjaman atau membeli saham syarikat kewangan yang diperbadankan di Malaysia. Sekiranya syarikat kewangan berkenaan tidak berupaya menjelaskan tanggungan-tanggungannya atau akan menggantungkan pembayaran.

Selain daripada pindaan ini, ada beberapa pindaan lain yang dicadangkan di dalam Akta Syarikat Kewangan.

Clause 2 dalam Akta ini bertujuan meminda seksyen 16 di mana sesuatu syarikat kewangan dikehendaki menunjuk dan mempamerkan akaun tahunannya dalam bentuk dan kandungan yang diluluskan oleh Bank Negara.

Pindaan juga dicadangkan di bawah Seksyen 18 bagi memperuntukkan denda yang khusus (express monetary

penalty) dengan berdasarkan kiraan harian berbanding dengan kekurangan dalam aset mudah-tunainya sekiranya syarikat kewangan gagal mematuhi peruntukan mudah-tunainya.

Di samping itu adalah perlu untuk memasukkan pindaan yang serupa di bawah seksyen 15 bagi mengenakan denda yang khusus di atas kegagalan mematuhi keperluan aset risiko (risk asset) pula.

Bagi membolehkan syarikat-syarikat kewangan menyertai dalam pasaran wang antara bank, dengan izin, (inter bank money market) pindaan perlu dibuat kepada Seksyen 20 supaya pengecualian dapat diberikan bagi membolehkan syarikat-syarikat kewangan memberi pinjaman tanpa jaminan melebihi \$5,000 atau pada satu-satu masa.

Adalah juga perlu untuk meminda Akta Syarikat Kewangan dengan memasukkan satu peruntukan ke dalam seksyen 25 yang menghendaki syarikat-syarikat Kewangan memberikan maklumat mengenai pelanggan-pelanggannya kepada Biro Kredit yang ditubuhkan oleh Bank Negara.

Clause 8 pula akan meminda seksyen 28 Akta yang bertujuan menghendaki syarikat-syarikat kewangan mendapatkan persetujuan Kerajaan bagi apa-apa perkiraan atau perjanjian yang menyebabkan perubahan kawalan atau pengurusan syarikat kewangan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya Akta Syarikat Kewangan memperuntukkan jumlah denda yang tidak melebihi \$5,000. Jumlah ini dikenakan semenjak Akta ini dikuatkuasakan pada tahun 1969. Adalah dicadangkan supaya denda maksimum kerana kesalahan dalam Akta ini ditambah selaras dengan peruntukan denda dalam Akta Bank, 1973.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): TuanT Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ini ialah suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat Kewangan, 1969 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.52ptg.

Tuan Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini untuk menyokong dan membahaskan Akta Syarikat Kewangan (Pindaan) 1985.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang tercatat di dalam Akta pindaan ini, maka saya suka menarik perhatian dalam beberapa aspek yang tertentu. Yang pertama sekali telah menunjukkan di dalam seksyen baru 16 dengan menyebutkan bagi syarikat-syarikat kewangan dapat menentukan tempat-tempat perniagaan mereka dan selam daripada itu sebagaimana yang diperlukan, pihak syarikat kewangan dapat mengemukakan atau memberi laporan kunci kira-kira yang telah diaudit bagi akaun keuntungan dan kerugian.

Dalam seksyen ini maka saya merasai pihak Kerajaan menyedari supaya syarikat-syarikat kewangan dapat menjalankan pengurusan kewangannya dari setahun ke setahun dan menunjukkan kedudukan kewangannya pada tahun-tahun yang berkenaan.

Selain daripada itu, suka saya menarik perhatian berhubung dengan seksyen 28B (1). Dalam seksyen ini telah menunjukkan supaya tiap-tiap orang perseorangan menghadkan saham-sahamnya dalam syarikat-syarikat kewangan yang tertentu tidak melebihi 10%. Dan begitu juga selain

daripada orang-orang perseorangan menentukan tidak melebihi 20%. Ini pada anggapan saya oleh sebab seksyen ini telah diwujudkan maka kita merasai tiap-tiap orang ataupun perseorangan tidaklah dapat memonopoli di dalam syarikat-syarikat kewangan yang tertentu bagi modalan mereka. Walau macam mana pun, saya suka mengambil perhatian supaya seksyen 28B (1) ini dapat ditentukan tidak dapat diubah ataupun dipinda ataupun ditaruh kepada nama-nama yang tertentu di dalam keluarga masing-masing yang boleh menjadikan syarikat kewangan ini dimonopoli oleh seseorang yang tertentu ataupun selain daripada perseorangan yang dihadkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Akta Syarikat Kewangan ini, maka saya suka menarik perhatian dalam aspek yang sama. Kita sedar dan mungkin kita mengetahui ada beberapa syarikat kewangan yang tertentu bagi memberikan pinjaman-pinjaman kepada orang ramai, kadang-kadang pinjaman-pinjaman itu boleh merugikan kepada peminjam ataupun sengaja menyusahkan kepada peminjam-peminjam yang tertentu.

Di sini apa yang kita ketahui satu dari syarikat kewangan khasnya yang meminjamkan wang kepada orang ramai iaitu atas nama money lender dan kalau kita perhatikan syarikat yang saya jelaskan tadi sebagai atas nama money lender biasanya dijalankan oleh orang-orang ceti yang telah bergerak begitu lama dan telah menunjukkan banyak harta-harta cagaran yang diberikan kepada syarikat kewangan tersebut telah tergadai dan bertukar milik kepada syarikat kewangan tersebut.

Yang kita berasa dukacita juga sebagaimana yang kita ketahui secara tidak rasmi peminjam-peminjam ini apabila mereka memberikan cagaran seperti tanah dan sebagainya, faedah pinjaman itu agak terlalu tinggi.

Sebagaimana yang kita dengar kadang-kadang sampai 10% ataupun 20% pada tiap-tiap bulan. Kalau kita tidak mengesan ataupun mengambil perhatian kepada syarikat kewangan yang saya jelaskan tadi, kita merasa dukacita juga barangkali ada di antara orang ramai yang telah tertipu dalam kaedah ini.

Atas hasrat untuk kepentingan orang ramai, maka saya suka menyarankan khususnya kepada Kementerian Kewangan, maka perlu dikaji semula, adakah syarikat kewangan yang berbentuk begitu benar-benar dapat memberikan kebaikan kepada orang ramai. Kalau tidak, saya mengesyorkan supaya syarikat kewangan money lender ini dihapuskan dalam bentuk serta-merta.

Selain daripada itu, kalau kita tidak mahu membuat penghapusan dengan serta-merta, kita boleh memilih suatu jalan lain lagi, perlu dikaji dari semasa ke semasa dengan begitu cepat dapat menentukan syarikat yang berbentuk demikian supaya Kerajaan mengkaji penyata kewangannya dapat dikemukakan sama seperti di dalam Akta yang dibentangkan ini iaitu Akta Syarikat Kewangan supaya penyata kewangan ini dapat diaudit dan dikemukakan kepada Kerajaan sama ada melalui Bank Negara ataupun suatu unit khas yang mengkaji kedudukan kewangan dan keuntungan mereka pada tiap-tiap tahun. Dan kalau mereka gagal untuk mengemukakan kehendak-kehendak seperti yang tercatat di dalam Akta Syarikat Kewangan yang sedang dibincangkan ini, maka kita boleh menyelaraskan tindakan-tindakan yang tertentu sama seperti yang tercatat di dalam Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu dalam bentuk pinjaman kita merasai bentuk-bentuk pinjaman sebenarnya adalah untuk menolong kepada orang ramai menjalankan sesuatu ataupun meringankan beban mereka untuk menjalankan sesuatu

projek. Dalam masalah ini maka saya dapati suatu bentuk pinjaman agak dapat dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kewangan bersama-sama dengan Bank Negara. Sebagaimana yang kita ketahui kadang-kadang orang ramai memerlukan wang dengan bentuk serta-merta. Bentuk ini biasanya suatu badan yang menguruskan hal pinjaman iaitu suatu pinjaman pajak gadai yang telah wujud beberapa lama dahulu. Kita sedar dan kita merasai bentuk pinjaman pajak gadai ini agak selalu peminjam-peminjam yang terpedaya dalam bentuk yang halus. Dalam kaedah ini apa yang saya ketahui secara tidak rasmi pihak sebuah bank yang bernama OUB telah mengujudkan satu sistem yang memberikan pinjaman dengan serta-merta dengan mendapatkan cagaran daripada orang ramai yang berbentuk emas, intan, berlian dan sebagainya dan kita ketahui barulah sebuah bank yang saya jelaskan tadi dapat melaksanakan pinjaman yang serta-merta dengan memberikan cagaran yang dijelaskan.

Kalau dalam masalah ini untuk memberi kemudahan kepada orang ramai dan pihak Bank OUB telah pun mengujudkan suatu sistem yang saya jelas tadi maka saya berharap supaya pihak Kerajaan bersama-sama dengan Bank Negara dapat mengujudkan atau mengarahkan kepada bank-bank yang lain supaya melaksanakan suatu unit pinjaman dengan serta-merta yang memberikan cagaran emas, intan, berlian dan sebagainya. Dalam kaedah ini kita merasai agak tidak begitu ramai rakyat jelata di negara kita ini dengan tertipu dalam masalah pinjaman kewangan sama ada pinjaman kewangan bentuk serta-merta ataupun dalam jangka masa yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah yang dapat saya sampaikan di dalam Dewan ini. Dengan ini saya menyokong dengan

sepenuhnya Akta Syarikat Kewangan (Pindaan) 1985.

4.05 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama membahaskan dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat Kewangan 1969.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1985 selepas berlakunya pertumbuhan yang begitu pesat di dalam sektor kewangan di negara kita ini secara amnya dan syarikat kewangan khususnya, tibalah masanya untuk pihak Kerajaan memajukan satu pindaan kepada Akta 1969. Dalam keadaan perkembangan dan pertumbuhan yang sepesat daripada 1969 hingga 1985, kita dapati bahawa wajar untuk membuat pindaan-pindaan tersebut walaupun lebih ramai di antara ahli-ahli profesional yang berkecualan, yang pandai, yang cerdik, yang berkelulusan bergiat aktif di dalam sektor kewangan amnya dan syarikat kewangan khususnya. Seolah-olah lebih pandai masyarakat kita maka lebih banyak pula peraturan-peraturan yang terpaksa disediakan supaya dapat mengawasi gelagat tindakan-tindakan golongan profesional di dalam bidang-bidang tertentu. Ini mungkin tabiat sesuatu masyarakat lebih pandai maka lebih banyak cara-cara untuk mengatasi peraturan-peraturan yang sedia ada. Walaupun begitu masalah masyarakat dari segi nilai dan sebagainya patut didekati dengan secara tertentu dan oleh kerana kita melihat perkara ini secara khusus dalam bidang kewangan maka kita terpaksa melihat syarikat kewangan dan peraturan-peraturannya secara tertentu dan secara spesifik.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pindaan ini sebagai wajar dalam konteks seperti berikut. Yang

pertama, saya melihat bahawa syarikat kewangan adalah suatu institusi masyarakat yang memegang amanah awam, sesebuah syarikat kewangan diberi tempat dalam masyarakat dalam bentuk lesen yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan melalui Menteri Kewangan. Dengan adanya kedudukan yang istimewa yang diberikan oleh Menteri Kewangan kepada sesuatu syarikat untuk menubuhkan syarikat kewangan itu dan seterusnya memainkan peranannya di dalam masyarakat tersebut. Walhal secara langsung mereka adalah memegang amanah kerana kita tahu bahawa dalam syarikat tersebut masyarakat umum mempunyai keyakinan dan kepercayaan bahawa wang yang disimpan di situ akan dipelihara sewajarnya. Dan juga kita memberi keyakinan dan amanah kepada syarikat-syarikat tersebut untuk menggunakan wang kumpulan itu dengan sebaik-baik dari sempurnanya. Oleh yang demikian, adalah wajar sekali untuk Kerajaan memastikan bahawa siapa jua tidak kira pihak Kerajaan ataupun pihak swasta, siapa jua yang memegang amanah masyarakat awam, masyarakat umum mestilah memastikan mereka sentiasa mematuhi peraturan dan peraturan itu sedia ada untuk mengawasi gelagat-gelagat dan tindakan-tindakan mereka.

Yang kedua, saya ingin menyentuh tentang syarikat kewangan sebagai satu institusi pembangunan ekonomi dan masyarakat di mana jua ianya berada terutama sekali di dalam sistem pasaran terbuka ataupun pasaran bebas seperti dalam ekonomi kita ini. Kita mempunyai banyak institusi-institusi pembangunan masyarakat dan ekonomi dan di dalam bidang kewangan kita mempunyai institusi seperti bank, bank saudagar dan seterusnya syarikat kewangan.

Di dalam bidang kewangan, kita mengharapkan bahawa sistem tersebut

akan dapat menerima sumber-sumber kewangan dalam masyarakat tersebut dan seterusnya menyalurkan kepada arah untuk membawa pembangunan dengan cara membiayai projek-projek ataupun kegiatan-kegiatan ekonomi untuk membawa kepada pembangunan ekonomi dan masyarakat tersebut.

Daripada keadaan sebelum 1969 ataupun lampau lagi sebelum kita merdeka, institusi kewangan yang paling penting ialah bank-bank perdagangan. Ia merupakan institusi yang paling penting dan terbesar sekali dari segi menerima dan seterusnya menyalurkan sumber-sumber kewangan yang ada dalam sesebuah masyarakat.

Dan sebelum Akta 1969 dan seterusnya selepas Akta 1969, kita dapati bahawa pertumbuhan yang begitu pesat sebegitu rupa hingga syarikat kewangan menjadi salah satu daripada institusi kewangan yang terpenting dalam ekonomi kita memainkan peranan menerima dan seterusnya menyalurkan sumber-sumber kewangan.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, adalah penting sekali institusi yang kita harapkan untuk memudahkan proses pembangunan untuk ekonomi kita ini adalah sentiasa pada landasan yang sewajarnya. Seterusnya, seperti yang saya katakan tadi bahawa berlaku pertumbuhan yang begitu pesat sekali di kalangan syarikat-syarikat kewangan di negara kita ini sebelum Akta 1969, seperti yang kita dapat kaji bahawa pertumbuhan dan perkembangan syarikat-syarikat kewangan adalah dengan secara tidak tersusun dan teratur. Banyak masalah yang telah dihadapi sebelum Akta 1969 dari segi memastikan bahawa adanya keteguhan dan adanya arah tujuan yang sebaik-baiknya untuk syarikat-syarikat kewangan itu.

Jadi contoh yang paling baik mengapa peraturan dalam bentuk Akta adalah tepat ialah apabila kita mengadakan satu . Akta Syarikat Kewangan, 1969 daripada tahun tersebut sehinggalah kepada hari ini, kita dapati bahawa pertumbuhan syarikat-syarikat kewangan adalah begitu menggalakkan sekali, sehinggalah kita dapati kalau sekiranya dari segi perangkaan simpanan yang terkumpul dalam masyarakat kita melalui institusi kewangan, syarikat kewangan telah berjaya mengumpulkan lebih kurang 28% jika sekiranya dibandingkan dengan simpanan yang telah disalurkan kepada bank-bank perdagangan di negara kita ini.

Boleh dikatakan 1/3 daripada simpanan rakyat kita adalah disatukan kepada syarikat-syarikat kewangan tadi. Ini merupakan satu angka penunjuk yang membuktikan betapa pentingnya syarikat-syarikat kewangan kita di dalam sistem kewangan negara ini. Kalau kita bandingkan pula dari segi pinjaman yang disalurkan oleh syarikat kewangan, ianya merupakan lebih kurang 20% jika dibandingkan dengan pinjaman yang diberikan oleh bank-bank perdagangan di negara kita ini.

Angka-angka yang tersebut saya ambil tahun 1984, untuk bulan September. Ini adalah beberapa sebab mengapa saya bersama-sama menyokong pindaan Akta ini dan saya percaya bahawa Akta ini tidak dimajukan ke peringkat Dewan ini semata-mata kerana ianya untuk membuat tindakan yang melulu terhadap apa yang telah berlaku untuk beberapa tahun yang kebelakangan ini di dalam sektor tersebut.

Kita sedia maklum bahawa apa yang berlaku satu-dua tahun yang kebelakangan ini adalah begitu menjejaskan keyakinan kita terhadap sistem kewangan di negara kita ini dan saya percaya bahawa pindaan ini

tidaklah semata-mata dibuat berdasarkan kepada reaksi terhadap apa yang telah berlaku kepada beberapa institusi yang kita semua sedia maklum.

Tuan Yang di-Pertua, apabila membincangkan pindaan-pindaan kepada Akta 1969 ini, wajarnya juga kita melihat sejauh manakah Kerajaan telah memberikan peruntukan untuk memelihara kesejahteraan syarikat-syarikat kewangan dan seterusnya masyarakat yang menggunakan kemudahan yang ada pada syarikat-syarikat tersebut.

Akta 1969 telah banyak memberikan peruntukan kepada Kerajaan khasnya kepada Menteri Kewangan dan juga kepada Bank Negara untuk memastikan bahawa adanya keteguhan di dalam sistem tersebut sama ada dari segi memastikan keyakinan dapat dijamin terhadap sistem tersebut ataupun untuk memastikan bahawa sistem simpanan dalam masyarakat kita itu dapat digerakkan melalui institusi itu ataupun untuk memastikan bahawa kita dapat terus memelihara kepentingan dan amanah yang telah diberikan oleh mereka yang menyimpan di syarikat-syarikat kewangan.

Dan seterusnya juga untuk memberikan peruntukan mempengaruhi dan seterusnya mengawasi penggunaan-penggunaan simpanan-simpanan yang telah dibuat itu dan juga ada peruntukan di mana Bank Negara dan seterusnya Menteri Kewangan dapat mempengaruhi dari segi kos kredit yang disalurkan oleh syarikat-syarikat tersebut dan seterusnya untuk memastikan bahawa maklumat yang cukup didapati mengenai syarikat-syarikat itu supaya Bank Negara khususnya dan Menteri Kewangan juga khususnya dan masyarakat amnya dapat mengetahui tentang perjalanan syarikat-syarikat tersebut.

Jadi berdasarkan kepada sebab-sebab dan latar belakang yang ada pada kita sejak 1969 itu, saya ingin merujuk tentang pindaan di hadapan kita. Saya percaya bahawa sebahagian daripada tujuan pindaan ini adalah untuk memastikan bahawa adanya penyebaran maklumat yang maksimum mengenai syarikat-syarikat kewangan untuk kepentingan penyimpanan-penyimpan khasnya dan seterusnya untuk pihak Menteri Kewangan dan Bank Negara untuk menjalankan peranan masing-masing di dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan ini saya menyokong sepenuhnya pindaan yang menghendaki bahawa syarikat-syarikat kewangan membuat akaun sebegitu rupa seperti yang telah ditunjukkan oleh Bank Negara. Kita juga mengalu-alukan pindaan di mana kunci kira-kira akaun keuntungan dan kerugian tahunan dapat dipaparkan di premis-premis syarikat-syarikat kewangan tersebut, sama ada dari segi maklumat dan butir-butir mengenai perjalanan syarikat itu ataupun tentang nama-nama Pengarah-pengarah mereka.

Kita sedia maklum bahawa kalau sekiranya kita pergi ke cawangan-cawangan bank di negara kita ini, kita dapat maklumat-maklumat tersebut yang dipaparkan di cawangan tersebut, sekadar malangnya kita minta supaya maklumat-maklumat seperti yang dikehendaki oleh pindaan ini hendaklah dipaparkan sebegitu rupa supaya mudah untuk kita melihatnya secara sepintas lalu ataupun dengan cara yang paling mudah untuk memahaminya sama ada dengan membesarkan butir-butiran itu ataupun meletakkannya di tempat yang paling mudah untuk kita mengamatinya.

Seterusnya saya juga mengalu-alukan pindaan di mana kita memberikan peruntukan kepada pihak Menteri Kewangan dan

seterusnya kepada Bank Negara untuk mendapatkan maklumat-maklumat secara langsung daripada syarikat-syarikat tersebut. Saya percaya maklumat-maklumat itu akan digunakan dengan sewajarnya untuk kepentingan sistem kewangan, bukan untuk tujuan yang melebihi daripada faedah kita bersama.

Seterusnya saya juga mengalu-alukan pindaan yang memberi kuasa kepada pihak Menteri untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai syarikat-syarikat tersebut dan seterusnya memberi peruntukan kepada Menteri mengenakan denda-denda jika sekiranya ada pihak syarikat-syarikat yang melanggar peraturan yang telah ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada bahagian di mana pindaan ini telah menetapkan bahawa pemilikan syarikat kewangan di peringkat individu dikehendaki tidak melebihi daripada 10% dan untuk institusi atau koperasi tidak melebihi 20%. Ini bermakna jikalau sekiranya kita melihat sebuah syarikat yang dimiliki di peringkat individu maka bilangan individu yang paling minima untuk memiliki syarikat tersebut ialah sebanyak 10 orang dan kalau sekiranya dimiliki oleh institusi maka bilangan institusi yang terlibat untuk bersama-sama untuk memiliki syarikat tersebut ialah sebanyak 5 syarikat. Saya percaya bahawa dengan adanya bilangan yang ramai di peringkat individu ataupun di peringkat institusi dari segi pemilikan mungkin pihak Kerajaan dan Kementerian Kewangan mengharapkan bahawa tidak ada kemungkinan pemilik-pemilik syarikat tersebut untuk menggunakan kedudukan mereka supaya mementingkan pihak mereka sendiri.

Tetapi ada juga kemungkinan kalau sekiranya kita dapati individu-individu tersebut secara berpakat untuk memajukan kepentingan kumpulan tertentu maka masalah yang cuba kita

atasi itu mungkin tidak juga dapat dikawal. Walaupun begitu dengan adanya peruntukan dalam pindaan ini kita percaya bahawa masalah di mana personaliti tertentu atau kumpulan tertentu menggunakan sepenuhnya tentang kedudukan mereka sebagai pemilik di dalam syarikat-syarikat tersebut akan dapat dilonggarkan untuk masa-masa yang akan datang pada syarikat-syarikat yang akan dibentuk nanti. Sekurangnya masalah yang sering disebut di kalangan syarikat-syarikat yang ada sekarang ini di mana pemiliknya adalah di kalangan personaliti yang mempunyai pemilikan peratusan yang agak tinggi akan dapat kita kurangkan masalah itu pada masa hadapan.

Satu lagi perkara yang menarik perhatian saya tentang peruntukan pindaan ini ialah kalau sekiranya tidak ada siapa di kalangan pemilik tadi dapat mempengaruhi secara langsung terhadap perjalanan syarikat tersebut maka satu implikasi daripada pindaan ini ialah kita dapat mengasingkan tentang pemilikan dengan pengurusan. Kalau sekiranya satu-satu institusi tadi hanya dapat menguasai atau suara sebanyak 20% maka 80% yang lain tadi mungkin dapat mengimbangkan suasana sebegitu rupa, tidak ada siapa yang boleh mempengaruhi perjalanan itu sebagai pemilik-pemilik.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, implikasi kepada pengasingan dari segi pemilikan dan pengurusan adalah suatu perubahan yang boleh dilihat daripada beberapa penjuruan pandangan. Dari satu segi kita mungkin melihat ialah perubahan ke arah profesionalisma dari segi pengurusan syarikat-syarikat kewangan negara kita ini kalau sekiranya adanya pengasingan yang ketara di antara mereka yang memiliki dengan mereka yang mempengaruhi syarikat-syarikat tersebut.

Kita sedia maklum bahawa pemilik sesebuah syarikat mempunyai objektif dan matlamat yang tersendiri. Pengurusan juga mempunyai matlamat sendiri. Tidak semestinya matlamat kumpulan-kumpulan ini kita boleh katakan memberi faedah atau kebaikan kepada masyarakat keseluruhannya. Tetapi besar kemungkinan dengan adanya pengasingan di kalangan dua kumpulan ini kita mengharapkan profesionalisma di dalam sektor ini akan lebih terjamin dan akan terus berkembang dan tumbuh untuk memajukan lagi sektor syarikat-syarikat kewangan di negara kita ini.

Saya ingin beralih kepada satu lagi pindaan di mana tidak dibenarkan kepada pengurus atau pengarah memberi pinjaman yang tidak bercagar lebih daripada \$5,000. Saya rasa musykil tentang angka \$5,000 itu sama ada ianya patut diberi cagaran ataupun tidak. Pada pandangan saya setiap daripada pinjaman sewajarnya adalah berlandaskan kepada cagaran.

Apa mungkin berlaku kalau sekiranya seseorang tadi ingin melampaui peraturan ini, seseorang pengurus tadi boleh memberi kredit kurang daripada \$5,000 kepada seseorang ataupun sesuatu kumpulan daripada masa ke semasa dan apabila datang kumpulan \$5,000 untuk 10 kali misalnya maka terkumpullah pinjaman sebanyak \$50,000 yang tidak bercagar. Jadi, dengan adanya pindaan seperti begini saya minta pihak Menteri yang berkenaan untuk memberi penjelasan tentang cara mana kita hendak mengatasi masalah yang mungkin timbul apabila seseorang tadi mengumpulkan pinjamannya dalam tempoh jangkamasa tertentu dengan membuat pinjaman berulang kali walaupun ianya kurang daripada \$5,000.

Tuan Yang di-Pertua, saya bermula dalam perbincangan saya dengan menyatakan bahawa telah tiba masa

untuk kita menambah peraturan-peraturan di dalam hidup kita dan pada hari ini kita menambah peraturan-peraturan untuk mereka yang terlibat secara langsung di dalam syarikat-syarikat kewangan. Ada dua perkara yang hendak saya sebutkan di sini secara menyeluruh. Yang pertamanya, kita hidup di dalam satu masyarakat dan sistem ekonomi yang dikatakan cenderung ke arah pertandingan di antara satu dengan yang lain dan cenderung ke arah serba sedikit dari segi kebebasan untuk membuat keputusan dan seterusnya memainkan peranan masing-masing.

Sambil itu pula kita terpaksa membuat peraturan-peraturan atau regulations, dengan izin, untuk memastikan bahawa tidak ada mereka atau kumpulan tertentu yang menyimpang daripada landasan yang sewajarnya. Tetapi yang penting di sini untuk kita bersama-sama ingati bahawa ada hadnya untuk kita membuat peraturan-peraturan sebegitu rupa sehingga kita tidak menjejaskan inisiatif pihak tertentu ataupun sektor tertentu untuk memainkan peranan masing-masing dari segi pembangunan negara kita dan seterusnya untuk memelihara kepentingan mereka. Oleh yang demikian, saya menyarankan di sini supaya kita memastikan bahawa peraturan-peraturan ini hendaklah sentiasa diimbangi dengan ingatan bahawa kita menggalakkan sistem "free Enterprise", dengan izin, di dalam ekonomi dan masyarakat kita, maknanya tindakan ataupun gelagat-gelagat yang tidak sewajarnya diterima oleh masyarakat mestilah dibendung dalam bentuk peraturan. Tetapi jika sekiranya kita tidak mempunyai had dari segi membuat peraturan mungkin ianya akan menjejaskan apa yang saya katakan tadi inisiatif ataupun daya-usaha mereka untuk terus memajukan dan seterusnya memainkan peranan dalam masyarakat dan ekonomi negara ini.

Satu lagi perkara yang saya hendak sentuh di sini ialah kita tidak dapat mengawasi ataupun menjaga tingkahlaku manusia dengan cara mengadakan peraturan-peraturan. Kalau sekiranya kita membuat peraturan mereka lebih pandai untuk memikirkan cara mana untuk mengatasi peraturan-peraturan tersebut. Oleh yang demikian tidak ada hadnya untuk kita memelihara, untuk memastikan bahawa golongan yang aktif di dalam sektor kewangan ini dapat diawasi sentiasa dengan cara peraturan-peraturan. Oleh yang demikian, saya menyeru supaya pihak Menteri Kewangan dan seterusnya pihak Bank Negara untuk memikirkan supaya kita dapat menghidupkan etik-etik dan nilai-nilai yang murni di kalangan pemilik-pemilik dan seterusnya ahli-ahli profesional di dalam sektor syarikat kewangan. Setiap daripada kita yang bergiat di dalam bidang-bidang kita sewajarnya mempunyai idealisma-idealisma hidup dan seterusnya dengan adanya idealisma hidup itu dapat memberi panduan kepada kita dari segi memainkan peranan kita dalam bidang-bidang tertentu. Oleh kerana kita bercakap tentang sektor bank dan juga sektor syarikat kewangan, maka peranan adalah terletak kepada Bank Negara untuk membangunkan dan seterusnya menghidupkan nilai-nilai dan etik kerja dan profesionalisma di kalangan mereka yang giat di dalam bidang tersebut.

Saya tidak meletakkan beban kesemuanya kepada pihak Bank Negara. Di dalam hidup kita ini, kita banyak mewarisi nilai-nilai hidup kita daripada keluarga kita, bagaimana kita dididik di peringkat rumah dan keluarga kita, bagaimana pula kita dapat didikan di peringkat sekolah kita. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini kita mesti menekankan tentang nilai-nilai yang murni yang sepatutnya ada pada seseorang manusia sama ada nilai itu dari segi

menjaga maruah diri, setia pada kawan, setia kepada mereka yang memberi amanah kepada kita, setia kepada negara, menjaga maruah dan sebagainya, adalah nilai-nilai hidup yang sepatutnya ada di kalangan kita. Selain daripada itu kita juga mesti memastikan supaya kita dapat menghayati disiplin dan seterusnya etik-etik dari segi untuk bekerja, apabila kita dapat memainkan peranan kita masing-masing. Dan selain daripada itu barulah kita dapat bersama-sama menguatkan keperibadi kita dan seterusnya memainkan peranan kita dengan memadukan nilai-nilai yang suci tadi dengan disiplin dan etika untuk bekerja dan berkhidmat bersama-sama dengan kelayakan, kemahiran, dan kepakaran yang ada pada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa dalam sektor syarikat kewangan ini, peraturan-peraturan tidak memadai. Kalau hari ini kita berjaya untuk mengawasinya, 10 tahun lagi mungkin kita terpaksa membuat peraturan yang lain pula. Yang penting ialah nilai-nilai hidup yang ada pada kita, etik dan disiplin yang ada pada kita dan seterusnya kepakaran, kemahiran, kelayakan yang kita miliki daripada sistem persekolahan dan usaha kita sendiri. Jadi berasaskan kepada hujah yang terakhir itu, saya percaya bahawa peraturan ini, pindaan ini ada peranannya, tetapi hendaklah kita bersama-sama memastikan bahawa masyarakat kita dan individu-individu ataupun ahli-ahli masyarakat kita akan dapat bersama-sama membentuk satu masyarakat yang saya katakan yang bermoral tinggi, yang beretik baik yang juga mempunyai ilmu pengetahuan, kepakaran yang tinggi dan juga yang baik. Jadi berdasarkan kepada pandangan-pandangan yang telah saya berikan, Tuan Yang di-Pertua, maka saya dengan sukacitanya menyokong Akta Syarikat Kewangan (Pindaan), 1969.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya hendak bertanya ada lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap? Kalau "tidak" ada diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Dipersilakan.

4.38 ptg.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Syarikat Kewangan 1969 dan teguran-teguran serta pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi pertimbangan.

Untuk menjawab teguran Yang Berhormat Tuan Nasir bin Haji Manap, saya ingin menerangkan bahawa di sini syarikat moneylenders adalah di bawah kawalan Moneylenders Ordinance yang bukan di bawah kawalan Pentadbiran Bank Negara. Walau bagaimanapun teguran Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan masalah moneylenders ini juga saya ingin memberi maklumat kepada Ahli Yang Berhormat jikalau Kerajaan menghapuskan perniagaan ini dan tidak memberikan lesen di mana Kerajaan boleh mengadakan kawalan, barangkali satu situasi di mana "black market" akan timbul dan ini juga akan menjadi beban kepada masyarakat umum.

Untuk menjawab berkenaan cadangan Ahli Yang Berhormat untuk meminta bank-bank lain melaksanakan unit pinjaman mengambil cagaran emas atau berlian, saya ingin menjelaskan di sini bank yang menggunakan cara ini ialah UAB dan skim ini walaupun dilaksanakan tidaklah begitu berjaya, tetapi cadangan Yang Berhormat akan diberi pertimbangan.

Berkenaan teguran-teguran Yang Berhormat Senator Abdul Ghani Haji Othman, Kementerian saya akan juga mengambil perhatian ke atas teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang telah diberi di dalam masa perbahasan ini, ke atas meminta Kementerian untuk mengawal aktiviti salahgunakan limit yang telah ditentukan di mana sesuatu peminjam boleh mengumpulkan pinjaman-pinjaman mereka untuk melebihi \$5,000. Saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa jumlah yang diluluskan \$5,000 ini ialah jumlah pinjaman yang disatukan atau dikumpulkan dan belum dijelaskan pada sesuatu masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Syarikat Kewangan ini diluluskan dengan tidak ada lain-lain pindaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahti-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua mempergunakan Jawatankuasa).

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.48 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan perkara-perkara berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat dan tujuan pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta ini telah pun diberi dengan lengkap dan panjang lebar dalam Huraian pada Rang Undang-undang ini dan saya sekadar ingin memberi penjelasan tambahan kepada beberapa Fasal yang penting sahaja.

Sejak Akta Kualiti Alam Sekeliling dikuatkuasakan mulai 1974, beberapa kelemahan dan loophole, dengan izin, telah dikenalpasti oleh Jabatan Alam Sekitar dan pindaan-pindaan yang dicadangkan itu akan mengetatkan lagi Akta tersebut seperti, nombor satu, di dalam Akta Ibu tidak ada peruntukan untuk mensyaratkan penilaian Kesan-kesan kepada Alam Sekitar atau Environmental Impact Assessment (EIA) bagi projek-projek yang dilaksanakan di negara ini. Kajian EIA adalah sangat perlu supaya mengelakkan terjadinya kesan-kesan yang buruk akibat daripada pelaksanaan sesuatu projek atau penempatan sesuatu kilang di kawasan-kawasan yang tertentu. Dengan adanya kajian EIA, satu tempat yang lebih sesuai untuk pelaksanaan sesuatu projek akan dapat ditentukan dan kos pengawalan pencemaran dapat dikurangkan. Hanya projek-projek yang mungkin membawa kesan-kesan kepada alam kita disyaratkan untuk menjalankan

kajian kesan-kesan kepada alam sekitar. Jenis-jenis projek untuk kajian EIA tersebut akan ditetapkan berasaskan kepada nasihat dan syor Majlis Kualiti Alam Sekeliling.

Kedua, pindaan-pindaan kepada Akta Ibu akan memperuntukkan Jabatan Alam Sekitar dengan kuasa-kuasa untuk menahan kenderaan bermotor. Kuasa-kuasa menahan ini adalah perlu oleh kerana pada masa kebelakangan, Jabatan Alam Sekitar bergantung kepada pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan untuk menahan kenderaan-kenderaan bermotor bagi tujuan pemeriksaan pelepasan asap dan gas yang berlebihan. Amalan itu telah didapati tidak berapa berkesan oleh kerana terdapatnya keadaan di mana pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan tidak dapat memperuntukkan anggota-anggotanya untuk menjalankan pemeriksaan itu. Walaupun adanya pindaan ini, pihak Jabatan Alam Sekitar akan terus berkerjasama dengan pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan sejauh mana yang boleh dari masa ke semasa. Kuasa-kuasa yang diberikan di bawah pindaan ini adalah juga untuk membolehkan Jabatan Alam Sekitar menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan-kenderaan yang tidak bergerak atau dengan izin, off road vehicles dan juga kenderaan-kenderaan di atas tanah-tanah persendirian seperti traktor dan jentolak di tapak-tapak pembinaan. Pindaan ini adalah perlu oleh kerana pada masa ini tidak ada perbekalan dalam undang-undang untuk memeriksa kenderaan seumpama itu yang boleh mencemarkan udara semasa kenderaan-kenderaan itu beroperasi.

Yang ketiga, denda-denda maksima dan penalti yang dikenakan ke atas kesalahan di bawah Akta Ibu tidaklah menjadi pencegah yang berkesan atau, dengan izin, deterrent. Pada masa yang lalu, kompaun dan denda yang

dikenakan oleh mahkamah selalunya sangat ringan. Oleh yang demikian, denda-denda maksima itu akan digandakan untuk mencapai tujuan pencegahan tersebut.

Keempat, pindaan kepada Akta Ibu juga memberi tafsiran "kenderaan" dan tafsiran ini termasuk kenderaan bermotor yang membawa sisa-sisa terjadual supaya pihak Jabatan Alam Sekitar dapat menguatkuasakan peraturan-peraturan yang tertentu.

Kelima, satu tafsiran baru iaitu "perairan Malaysia" telah dimasukkan ke dalam Akta ini oleh kerana Seksyen 27 dan Seksyen 29 Akta Ibu mengandungi perkataan "perairan Malaysia" tetapi tafsirannya tidak ada di dalam Akta Ibu tersebut.

Keenam, bilangan ahli Majlis Kualiti Alam Sekitar akan ditambah lagi dengan 7 orang ahli dan buat kali pertamanya pertubuhan bukan Kerajaan atau, dengan izin, Non-Governmental Organisations (NGO) yang mempunyai pengetahuan luas dalam perkara-perkara berhubung dengan alam sekeliling akan mengadakan dua orang wakil di dalam Majlis tersebut. Bagi perwakilan dari pertubuhan bukan Kerajaan, kedua-dua wakil akan dicalonkan oleh pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan dan dikemukakan kepada saya untuk membuat perlantikan.

Adalah diakui bahawa dengan pertambahan bilangan ahli bukan Kerajaan, Majlis Kualiti Alam Sekeliling akan dapat memberi nasihat kepada Kerajaan supaya hal-hal alam sekitar diuruskan dengan lebih sempurna lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kualiti alam sekeliling adalah bersangkutan paut dengan kualiti hidup semua rakyat. Kita semua mempunyai tanggungjawab untuk menjaga kualiti alam sekeliling. Saya suka merayu kepada semua pihak sama ada pihak Kerajaan, pihak swasta dan individu

untuk bekerjasama untuk menjaga keadaan alam sekeliling Malaysia. Jika kita tidak berbuat demikian, kesan-kesan buruk akan dihadapi oleh kita semua dan ia tentu akan merosotkan taraf dan kualiti hidup kita semua.

Kita harus mengambil berat tanggungjawab kita untuk mewujudkan satu alam sekeliling yang bersih dan sempurna bukan untuk kita sahaja tetapi sebagai warisan kepada generasi akan datang.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini merupakan langkah-langkah ke arah mencapai matlamat tersebut dan saya berharap ia akan dapat sokongan dari semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Dr Tah Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta bagi meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Abu Bakar Lajim.

4.59 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang akan meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Saya percaya dengan kelulusan Rang Undang-undang tersebut, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan mempunyai kuasa lebih untuk bertindak bagi menyekat beberapa punca pencemaran negara ini. Dalam hal ini saya ingin menyentuh mengenai pencemaran yang berlaku di beberapa kawasan bandar dan luar bandar di negara ini yang telah berada di tahap runcing. Contohnya, mengikut beberapa kajian yang telah dilakukan

terhadap pencemaran bising dari kenderaan, alat jentera perindustrian dan pesawat di pusat-pusat bandar didapati kebisingan di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh, Petaling Jaya, Johor Bahru, Alor Setar dan Kelang adalah lebih tinggi dari tahap yang boleh diterima oleh orang ramai mengikut ukuran Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Kajian juga menunjukkan lebih 50% dari sekolah-sekolah di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Ipoh menghadapi pencemaran bising, begitu juga di kawasan-kawasan kediaman. Dari kesan kebisingan jalan raya, 85% dari 2,500 orang yang ditemubual dalam satu kajian mendakwa mereka terganggu, sementara itu 50% pula menyatakan mereka diganggu oleh kebisingan perindustrian dan pesawat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut pakar kesihatan, kesan fizikal ke atas tubuh manusia yang terdedah kepada kebisingan ialah hilang kedengaran, peningkatan tekanan darah dan gangguan di bahagian organ-organ lain. Kesan psikologi ialah kebisingan melahirkan ketakutan, kecewaan dan gangguan terhadap aktiviti percakapan, pergaulan dan tidur, menggugat keberkesanan kerja dan kesihatan mental.

Masalah pencemaran tanah juga semakin meruncing di negara ini. Kesan dari pembuangan oleh berbagai sisa dari rumah kediaman dan kilang serta perataan muka tanah telah menggugat kesihatan orang ramai. Masalah ini semakin meningkat sehingga Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terpaksa mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Selangor supaya menyediakan tempat pembuangan bahan beracun yang sesuai. Ini adalah langkah segera Kerajaan Negeri itu untuk mengatasi masalah tempat pelepasan. Adalah dianggarkan 500 kilang di negeri

berkenaan mengeluarkan sisa bahan beracun. Buat masa ini kebanyakan kilang-kilang kimia, cat, elektronik dan minyak kelapa sawit terpaksa menanam bahan-bahan beracun di kawasan kilang atau di kawasan berhampiran tempat kediaman.

Tuan Yang di-Pertua, Tuhan sahajalah yang tahu sama ada perhatian yang rapi telah dilakukan apabila bahan-bahan beracun itu ditanam. Saya takut memikirkan apa akan terjadi apabila bahan-bahan beracun itu bocor dan meresapi ke aras mata air yang kemudian digunakan oleh orang ramai dari sistem pembekalan air. Langkah-langkah yang diambil oleh Majlis-majlis Bandaran terhadap pungutan sampah dan permusnahan adalah masih tidak memuaskan. Lebih 76% Majlis-majlis Bandaran di Semenanjung . Malaysia masih meneruskan cara lama mereka memusnahkan sampah, iaitu dengan membuang di kawasan-kawasan terpencil atau membakar di kawasan terbuka. Kebanyakan Majlis-majlis Bandaran ini pula akan kehabisan kawasan untuk membuang sampah, tambahan pula hampir 50% kawasan-kawasan tersebut bertempat terlalu dekat dengan kawasan kediaman, iaitu kurang dari 1 kilometer.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam proses pengeluaran dan penggunaan 5 bahan-bahan sisa utama dibuang ke udara. Sebahagian besar adalah kesan dari pembakaran dan telah menyebabkan pencemaran udara. 5 bahan-bahan sisa utama itu ialah carbon monoxide, oxy-oxide xide sulphur dan nitrogen, hydro carbon dan habuk-habuk carbon. Dari kajian-kajian yang pernah dilakukan pada tahun 1983 di kawasan-kawasan bandar, terutamanya di jalanraya-jalanraya yang sibuk, didapati lebih 80% kawasan tersebut tercemai. Dari jumlah kawasan-kawasan yang tercemar, 40% terus bertambah teruk, malahan tiada satu kawasan yang

dikaji bebas dari habuk pada setiap masa.

Oleh kerana udara kotor di bandar-bandar utama di Semenanjung Malaysia, ia telah membawa bencana pencemaran udara yang serius. Orang-orang yang hidup dan bekerja di bandar-bandar tersebut adalah yang paling mudah terdedah kepada pencemaran udara. Pekerja-pekerja seperti pemandu bas dan teksi, pengawal traftk dan pekerja luar pejabat sentiasa diancam oleh pencemaran udara. Carbon monoxide dalam jumlah yang tinggi boleh menyebabkan kepeningan dan muntah-muntah. Kandungan jumlah yang tinggi lagi kira-kira 100 bahagian bagi setiap satu juta bahagian di udara, carbon monoxide boleh membunuh. Sementara itu, oxy-oxide dan nitrogen di dalam kandungan yang tinggi boleh merosakkan kehidupan manusia dan tumbuhan. Ini mengikut catatan yang dibuat atau "research" dalam beberapa universiti tempatan, merosakkan paru-paru manusia dan membantutkan pertumbuhan pokok-pokok. Hydro carbon pula apabila bercampur dengan oxide, nitrogen dan sinaran ultra-violet, dengan izin, melahirkan habuk. Kotoran dari habuk itu boleh menyebabkan kesukaran bernafas dan sakit mata.

Kecemaran air sungai juga berlaku di negara ini. Masalah ini perlu diatasi memandangkan Malaysia bergantung berat ke atas sumber air ini. Lebih 74% bekalan air yang digunakan oleh rumah kediaman dan perindustrian adalah dari permukaan air yang mengalir dari sungai. Pada tahun 1983 terdapat beberapa sungai utama yang tercemar, yakni adalah Sungai Kelang, Sungai Buluh, Sungai Skudai, Sungai Merbok, Sungai Langat, Sungai Sepang, Sungai Linggi, Sungai Kedah, Sungai Juru dan Sungai Air Tawar. Lebih 63% sungai-sungai yang tercemar ini terus bertambah buruk disebabkan pembuangan sisa-sisa

pembentongan dan binatang-binatang yang tidak terkawal.

Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah masalah yang dihadapi oleh kita dan juga oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar iaitu masalah pengawalan dan penguatkuasaan. Oleh itu, saya mencadangkan Kementerian berkenaan mengatur strategi-strategi yang lebih berkesan selain dari yang berbentuk perundangan, standard-standard pelepasan atau pembuangan bahan-bahan sisa perlu diulangkaji dan ditingkatkan, terutama sisa-sisa pembuangan air dan udara. Kawasan-kawasan yang teruk tercemar perlu ditentukan dan langkah-langkah penguatkuasaan yang ketat hendaklah diperlakukan oleh agensi-agensi pengawas di peringkat Kerajaan Pusat dan Negeri.

Satu program yang berkesan dengan kemudahan-kemudahan yang lengkap hendaklah diwujudkan untuk mengawasi pembuangan sisa-sisa dan kesan-kesan atas kesihatan. Pengetahuan mengurus alam sekitar perlu ditingkatkan lagi. Melalui proses yang lebih sistematik, dengan menggunakan maklumat yang objektif dan saintifik, pakar-pakar dari semua pihak yang terlibat dengan kebersihan alam sekitar patut dibawa berunding bersama.

Tuan Yang di-Pertua, pencemaran bukan satu perkara baru. Ia sama tua dengan tamaddun manusia. Apabila manusia berkumpul, sisa-sisa buangan meningkat lebih cepat dari keupayaan alam menghancurkannya dan apabila bandar-bandar wujud, pencemaran menjadi masalah yang serius, terutama kepada kepadatan penduduk bertambah. Bagaimanapun, langkah-langkah yang boleh, menghalang dan mengawal pencemaran tidak akan berkesan selagi kita tidak mengecamnya dengan tepat dan melibatkan semua pihak dari bersatu

dalam usaha tersebut. Sekian, terima kasih..

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi Ahli Yang Berhormat, hendak berucap? Sila.

5.09 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong di atas Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1973.

Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri berhubung dengan Rang Undang-undang ini, maka kita nampak bahawa banyak perkara dan banyak aspek-aspek yang perlu diperbahaskan dan diperbincangkan serta difikirkan bersama untuk memperbaiki dan memperkemaskan serta mempercantikkan keadaan alam sekitar di negara ini. Beberapa garisan kasar telah pun didedahkan, terutamanya mengenai projek-projek yang dijalankan, sama ada swasta ataupun Kerajaan yang tidak dapat dielakkan bahawa pencemaran alam sekitar ini mungkin beriak dan telah pun berlaku.

Kalau kita menarik perhatian kepada projek-projek, umpamanya, projek perumahan maka kita nampak dalam pertumbuhan projek-projek perumahan ini banyak perkara yang akan kita sentuh dan kita sebut, terutama sekali dalam melaksanakan pembangunan yang tidak memperhitungkan keadaan penduduk-penduduk yang sedia ada di sekeliling projek-projek tersebut. Dapat diperhatikan bahawa pemaju-pemaju projek-projek ini ataupun pemaju-pemaju perumahan ini sering kita dapati bahawa tidak menghormati langsung keadaan dan suasana penduduk-penduduk tempatan yang sedia ada, yang tidak langsung

memberi kehormatan dan memikirkan bencana yang timbul hasil daripada proses memecah batu-batu, juga menggunakan jentera-jentera besar yang boleh mengganggu gugat keadaan dan suasana kawasan yang saya sebutkan itu.

Beberapa contoh boleh didedahkan bahawa satu kawasan yang berhampiran dengan tempat saya tinggal, satu projek perumahan swasta yang telah meletupkan batu sehinggakan boteh memecahkan atap dan merosakkan alat di dalam rumah penduduk yang berhampiran dengan gegaran-gegaran yang boleh menjatuhkan segala alat-alat yang tergantung di dinding, umpamanya, gambar dan sebagainya dan boleh menggoncangkan rumah-rumah orang yang tidak begitu kuat foundationnya dengan izin, di atas rumah-rumah tersebut, dan tidak ada kawalan yang tertentu yang dilakukan.

Dan yang keduanya pencemaran ini juga berlaku oleh kerana keadaan yang tidak mahu menghormati keadaan-keadaan alam yang sedia baik dan teratur, umpamanya, pengaliran-pengaliran air dan pengaliran-pengaliran air yang membawa kekotoran yang boleh menyekat di atas timbunan-timbunan tanah yang diluruti ataupun dibawa oleh air-air yang tidak boleh meneruskan perjalanannya. Dan beberapa sungai yang terpaksa tersekat dan hampir rata dengan tidak boleh mengawal air sungai yang tertentu tadi, hasil daripada itu berlakulah banjir kilat dan sebagainya yang boleh merosakkan keadaan dan suasana penduduk-penduduk di kawasan sekeliling pembangunan itu. Saya kurang mengerti dan tidak faham, adakah projek-projek yang seperti ini tidak ada satu peraturan membenteng tanah-tanah tebing yang berhampiran dengari sungai sebelum pembangunan-pembangunan perumahan itu dilakukan.

Ini nampak kecuaiannya yang dilakukan oleh beberapa pihak, sehinggakan kita mendedahkan perkara-perkara ini kepada pihak-pihak jabatan yang berkenaan masing-masing itu menyalahkan pihak yang lain. Dengan sebab itu, kedapatan kedudukan dan suasana rumah-rumah yang berhampiran itu sentiasa bersedia apakala hujan datang, memikirkan bagaimana hendak membersihkan rumah, sehingga dalam satu kawasan yang saya nyatakan ini hingga pukul 3.00 pagi terpaksa membersihkan lumpur yang datang hasil daripada banjir kilat yang boleh merosakkan suasana dan keadaan.

Begitu juga saya menyentuh kawasan-kawasan perkilangan yang dibina dalam kawasan perumahan, terutama sekali perkampungan orang Melayu. Saya boleh contohkan satu daripadanya jalan daripada Seremban ke Tampin, ada satu kawasan perindustrian iaitu memproses getah, gas yang berbau busuk di Batu 4 atau Batu 5 daripada pekan Tampin maka kita akan nampak di sana bau yang berbagai-bagai bentuk yang kita lihat bahawa di sekeliling kawasan industri itu adalah diduduki oleh orang-orang Melayu. Begitu juga satu kawasan yang saya tengok di Kuala Pilah yang berhampiran antara Jalan Kuala Pilah dan Bahau, satu lagi kawasan perindustrian getah yang mengganggu gugat penduduk-penduduk kawasan itu. Jadi pencemaran ini boleh mengakibatkan sebagaimana kata Yang Berhormat saudara saya tadi, beberapa keadaan suasana yang tidak aman dan boleh mendatangkan beberapa penyakit kepada penduduk-penduduk di sekelilingnya.

Menyentuh dalam masalah kenderaan, bahawa pencemaran yang dilakukan oleh kenderaan-kenderaan yang mengeluarkan asap-asap hitam yang berkepul-kepul yang boleh mengganggu gugat, bukan sahaja suasana alam sekeliling, tetapi boleh mengganggu kereta-kereta yang

duduk di belakang yang mengekori kereta-kereta tersebut. Kadang kala kita ada juga nampak kelemahan-kelemahan sepatutnya kereta yang seperti ini dia boleh ditahan daripada berjalan kerana asap-asap itu tidak boleh menyelesaikan masalah, tetapi apa yang dukacita kita dapati kadang-kadang pihak-pihak yang tertentu ini ambil tidak tahu ataupun sengaja buat tidak faham. Apakah masalahnya saya sendiri pun tidak tahu. Jadi asap berkepul ini kalau kita mahu tengok sentiasa ada, terutama sekali kenderaan-kenderaan besar.

Dan kenderaan-kenderaan yang begini juga kedapatan pada bas-bas ekspres ataupun bas-bas penumpang biasa yang mengeluarkan asap berkepul-kepul yang kita tengok, hinggakan dinding bas itu turut hitam tetapi tidak ada apa-apa tindakan undang-undang yang dapat dijalankan. Dan saya merasa bahawa pindaan Undang-undang ini akan dapat melahirkan kenderaan-kenderaan bas ekspres atau bas-bas biasa ini selesa mata memandang dah selesa bagi orang-orang dan kenderaan-kenderaan yang mengikut di belakang dan juga selesa bagi penumpang-penumpang yang ada dalam bas itu untuk duduk semasa mereka menaiki bas tersebut. Dan gangguan-gangguan yang lain mengenai kenderaan ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri mengenai motosikal ini pun satu masalah besar juga yang boleh mengeluarkan suara yang paling bising, saya pun tidak tahu adakah kebenaran boleh menggunakan alat yang begitu bising yang lebih kuat daripada enjin-enjin kereta dan lain-lain, dan boleh mengganggu hingga 3 kilometer suara enjin motosikal itu boleh didengar. Ini pun satu masalah lagi kerana tidak ada juga apa-apa tindakan. Kita harap pindaan Undang-undang ini akan dapat memberikan kesesuaian dan keadaan suasana jalan raya yang aman, teratur dan tidak

banyak menimbulkan masalah-masalah kepada pemandu-pemandu.

Dan satu lagi yang saya hendak menyentuh mengenai alam sekitar ini juga iaitu kereta-kereta yang membawa sisa-sisa atau barang-barang yang sepatutnya ditutup, terutama sekali kereta-kereta yang membawa barang-barang yang boleh membahayakan, umpamanya, batu, pasir dan sebagainya. Ini pun tidak mengikut peraturan-peraturan yang sepatutnya ditutup dengan rapi dan baik.

Seperkara yang saya hendak sentuh yang paling besar sekali iaitulah masalah pemindahan yang dilakukan dengan kenderaan binatang ternakan babi. Pemindahah binatang babi-ini mungkinlah agak saya ada juga yang merasakan tidak payah diperhatikan berat tetapi bagi kita orang-orang Melayu yang beragama Islam ini, babi ini merupakan satu najis (mughalazah) dan babi ini sentiasa kencing. Air-air yang ada pada badan babi ini, terutama sekali kadang-kadang manakala didudukkan di dalam satu lori ditutup dengan beberapa pelapah daun nipah ataupun daun kelapa, kemudian lori itu lari dengan kederasannya lebih daripada had laju, diikuti pula oleh beberapa motosikal di belakangnya maka habuk-habuk dan bau busuk ini tidak dapat hendak kita elakkan dan bahan-bahan najis itu kena pada pakaian-pakaian bagi orang Islam ini.

Saya mencadangkan supaya kenderaan-kenderaan yang membawa binatang-binatang babi ini dapat diletakkan dalam satu kereta yang tertutup, umpamanya, kereta-kereta membawa kuda-kuda sebagaimana yang kita maklum iaitu kuda-kuda race yang dibawa dikurung dengan rapi dengan tidak menjejaskan keadaan. Jadi, babi-babi yang dipindahkan ini dicadangkan supaya dibuat demikian. Kalau tidak, jangan dipindahkan secara hidup-hidup, malahan dipotong baharu dapat

dibuatkan pemindahan. Saya rasa ini adalah bagi orang Islam satu perkara yang serius yang harus difikirkan sama-sama. Saya nampak penternak-penternak babi ini ataupun taukeh babi ini begitu senang hati membawa babi-babi dalam jalan raya dengan tidak memikirkan akibat dan suasananya, bukan sekadar busuk tetapi mengandungi najis. Jadi, saya rasa ini patut sangat kita dedahkan supaya dapat bagi Kementerian Alam Sekitar ini mengambil perhatian bahawa penternak-penternak yang hendak memindahkan babi ini mestilah sanggup membuat persediaan untuk menutup supaya jangan air-air yang lekat pada badan binatang tadi akan berpindah kepada pakaian dan badan atau kenderaan orang-orang kita, terutama sekali orang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, jadi apa yang kita nampak sekarang kecemaran-kecemaran ini memang tidak dapat hendak dielakkan terus menerus melainkan secara beransur-ansur kerana benda-benda yang saya sebutkan ini telah pun wujud dan telah pun ada maka terpaksa undang-undang ini manakala dikuatkuasakan dapat mengurangkan keadaan dan suasana yang tersebut tadi.

Begitu juga saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana dapat menambah bilangan Ahli Jawatankuasa Alam Sekitar ini supaya dapat dibincangkan dan memperbaiki lagi keadaan dan suasana, walaupun bukan sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat saudara saya sebelumnya tadi bahawa manusia ini bukannya boleh diikat dengan undang-undang sahaja, melainkan mestilah masing-masing ada perasaan tanggungjawab dan mahu melihat keadaan yang bersih dan keadaan tenteram dan cantik mata memandang, sesuai untuk telinga mendengar. Ini memang kehendak manusia tetapi manusia-manusia ini walaupun diikat, walau

macam manapun undang-undang didenda, walau bagaimana sekalipun tetapi bolehlah undang-undang itu kita jadikan sebagai mengurangkan keadaan hendak menghapuskan dan hendak mendapatkan semuanya ini. Selagi ada manusia, selagi itulah keadaan ini terpaksa kita ikat dengan undang-undang. Dengan undang-undang itu boleh mententeramkan keadaan dan boleh menutup keadaan-keadaan yang kita tidak suka dan boleh menghapuskan perkara-perkara yang kita tidak ingini tetapi dengan undang-undang boleh mengurangkan keadaan. Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekati lagi menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 ini dan saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani.

5.25 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dalam Dewan ini untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang ataupun suatu Akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan pindaan ini yang telah dibawa oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan harapan bahawa pindaan ini akan dapat menguatkan lagi akta yang telah dibuat pada tahun 1974.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal memelihara kualiti alam sekitar di negara kita ini, saya tidak mengatakan bahawa saya tidak bersetuju kalau sekiranya kita hanya mengharapkan kepada akta sahaja. Dalam soal memelihara kualiti alam sekitar, kita terlebih dahulu mestilah memastikan bahawa masyarakat itu sendiri sedar tentang peranan dan kewajipan mereka terhadap alam sekitar. Saya tidak percaya bahawa Akta ini akan

berjaya untuk memastikan bahawa alam sekitar kita akan terpelihara. Oleh yang demikian, ianya mestilah sama-sama diperkuatkan dengan amatan hidup ahli-ahli masyarakat kita mengenai alam sekitar ini. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat Akta ini dan pindaannya dalam konteks sebagai satu peraturan yang dibuat oleh manusia iaitu kita sendiri dan Akta itu diletakkan di dalam masyarakat untuk digunakan. Sebenarnya sesuatu peraturan itu akan memberi makna kepada arah yang tertentu berdasarkan kepada di manakah pendirian masyarakat tentang isu-isu tertentu. Jadi, dalam soal ini kita terlebih dahulu mestilah mengesakan dan saya percaya pihak Kementerian telah membuat rumusannya sendiri tentang di manakah pendirian masyarakat tentang soal pencemaran alam ini sama ada pencemaran udara, pencemaran air, sama ada pendirian masyarakat adalah untuk cenderung ke arah supaya kita dapat memelihara kenyamanan alam sekitar ataupun adakah kita adalah terdiri daripada ahli-ahli masyarakat yang lebih cenderung untuk terus memperkosa alam sekitar kita untuk tujuan apa yang dikatakan pembangunan ekonomi dan masyarakat kita.

Sesuatu undang-undang ataupun peraturan ianya memihak kepada kedudukan ataupun kepentingan tertentu terpulang di manakah masyarakat itu punya pendirian dalam soal tertentu. Jadi, kalau sekiranya masyarakat kita agak masih lagi leka, agak masih lagi tidak cenderung ke arah memelihara kualiti alam sekitar kita, saya percaya bahawa akta ini akan menjadi lemah untuk memberi kesan sewajarnya. Kalau sekiranya saya memberi satu contoh bahawa kalau sesuatu projek yang hendak dilaksanakan itu oleh golongan tertentu membawa kejejasan sama ada dari segi pencemaran udara ataupun air maka beban yang ditanggung di situ

terpulanglah di manakah masyarakat itu memikirkan tentang masalah itu.

Kalau sekiranya masyarakat itu mengatakan bahawa pencemaran itu tidak adil, tidak baik untuk masyarakat, maka beban itu sewajarnya ditanggung oleh mereka yang mencemarkan suasana. Beban untuk membiayai kos yang ditanggung oleh yang merasakan pencemaran tadi sewajarnya ditanggung oleh mereka yang mencemarkan suasana dan kalau sekiranya masyarakat tadi mengatakan bahawa soal pencemaran adalah tidak begitu penting, maka keadaan yang sebaliknya akan berlaku bahawa yang tercemar tadi akan terpaksa menanggung kosnya sama ada kos itu dalam bentuk menanggung penyakit yang terpaksa ditanggung oleh keluarga dan anak isterinya ataupun kos yang terpaksa ditanggung untuk membiayai perbelanjaan mengubati penyakit dan sebagainya akan terletak kepada bahu mereka yang tercemar bukan mereka yang mencemarkan udara ataupun air.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal alam sekitar ini maka yang penting ialah kita melihat kedudukan mereka yang mencemar dan juga mereka yang tercemar, siapa yang sepatutnya dibela adalah terpulang kepada masyarakat untuk menentukannya. Oleh yang demikian, saya menyarankan di sini bahawa sebelum kita ataupun sambil kita mengalihkan pandangan kita melalui peraturan dan Akta, yang utama sepatutnya diusahakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ialah untuk memberi maklumat yang sepuh-penuhnya kepada masyarakat tentang soal pencemaran alam sekitar ini yang kita tahu dan yang kita dapat dalam berituk maklumat daripada hari ke hari mengenai soal pencemaran alam sekitar ini sama ada didakwa benar ataupun tidak adalah melalui persatuan-persatuan bukan Kerajaan, yang berusaha secara sendiri untuk

membuat penyelidikan dan seterusnya cuba mengumumkan kepada masyarakat tentang kecemaran-kecemaran tersebut. Ini adalah satu cara untuk masyarakat mendapatkan maklumat melalui apa yang dipanggil NGO ataupun Non-Governmental Organisation, dengan izin, mereka yang dengan secara sendiri membuat penyelidikan-penyelidikan yang tidak semestinya muktamad dari segi penemuan-penemuan mereka,

Jadi, di sini saya percaya bahawa tugas utama pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ialah untuk Kementerian tadi mengambil kesempatan sepenuhnya sama ada mengumpulkan maklumat-maklumat yang muktamad ataupun membuat penyelidikan-penyelidikan sendiri ataupun menganjurkan penyelidikan-penyelidikan di makmal-makmal yang sedia ada di negara kita ini, tidak semestinya di Kementerian itu sendiri, bahkan mungkin kita dapatkan daripada makmal-makmal universiti untuk membuat penyelidikan-penyelidikan tersebut dan setelah mengumpulkan maklumat-maklumat itu, Kementerian sendiri menggunakan media-media yang ada untuk menyebarkan kepada masyarakat tentang bahayanya kecemaran-kecemaran tersebut.

Mungkin saya salah apabila saya mengatakan bahawa usaha ke arah ini belum dapat saya lihat daripada pihak Kementerian itu sendiri. Kalau ada saya mengalu-alukannya dan saya mengharap ianya akan dapat diperkembangkan dan diperluaskan lagi.

Saya sering juga melihat Televisyen Malaysia tetapi satu, dua hari ini saya belum melihat lagi sejauh mana pihak Kerajaan menggunakan media tersebut untuk memaklumkan kepada masyarakat tentang bahaya-bahaya sisa-sisa toxic yang dikatakan merata dalam alam sekitar kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambil menyokong Akta ini menganjurkan supaya pihak Menteri dan seterusnya Kementerian membuat usaha ke arah untuk dalam istilah bahasa Inggerisnya, to educate the people, memberi pelajaran, maklumat sepenuhnya kepada masyarakat tentang bahaya-bahaya kecemaran ini. Kita tidak mahu bahawa peranan ini dimainkan oleh persatuan-persatuan bukan Kerajaan sahaja kerana kadangkala kita tidak pasti tentang motif ataupun sejauh mana penemuan-penemuan mereka itu adalah muktamad. Jadi, di sini kita letakkan beban dan kewajipan tersebut kepada pihak Kementerian.

Selain daripada pihak Kementerian dengan peranan yang telah saya sebutkan tadi, saya juga ingin menganjurkan supaya pihak Kementerian dapat memperkuat kedudukannya dalam soal memelihara alam sekitar ini, bukan sahaja dalam bentuk pindaan Akta ini, tetapi juga dalam bentuk keupayaannya untuk melaksanakan Akta tersebut.

Kita mempunyai Akta, misalnya, sewa-menyewa tanah di negara kita ini yang telah digubal pada tahun 60an dahulu hingga kini tidak dapat dilaksanakan, Sebahagian daripadanya dapat diterangkan tentang pendirian masyarakat sendiri tentang soal sewa-menyewa tanah. Begitulah juga dalam soal ini, kita mempunyai Akta dan peraturan yang cantik-molek seperti yang telah dibentangkan tetapi dari segi pelaksanaannya saya hendak pastikan bahawa pihak Kementerian mempunyai keupayaannya betul-betul dari segi enforcement, dengan izin, supaya dalam soal dalam sekitar ini apa yang kita buat pada hari ini sebenarnya akan ditahya oleh generasi akan datang apa yang telah kita buat untuk memelihara alam sekitar.

Kalau kita lihat 50 tahun akan datang ataupun 20 tahun akan datang, apatah lagi dalam masa 100 tahun akan datang generasi kita, anak cucu kita akan menunjuk kepada kita nanti mengatakan bahawa pada tahun 60an, 70an, 80an generasi-generasi tersebutlah yang bertanggungjawab memperkosa dan mengabaikan kualiti alam sekitar di negara Malaysia ini. Kita tidak mahu bahawa generasi kita akan dituduh oleh mereka yang akan mewarisi negara kita ini.

Berbalik saya kepada soal enforcement, dengari lzin, sebentar tadi saudara saya Yang Berhormat Tuan Abu Bakar Lajim telah menyebut beberapa contoh-contoh di mana berlakunya pencemaran sama ada pencemaran sungai, udara dan sebagainya, seolah-olah kita mempunyai cukup maklumat untuk dikumpulkan dalam satu bentuk inventory tentang pencemaran-pencemaran yang berlaku alam sekitar kita.

Saya ingin menanya di sini, kalau sekiranya kita mempunyai peraturan-peraturan ini, adakah pihak Kementerian telah berjaya untuk membuat satu inventory yang menggambarkan kepada kita dan khususnya kepada Kementerian di manakah berlakunya pencemaran sama ada pencemaran itu pencemaran udara ataupun air dan sebagainya. Ini adalah suatu maklumat yang penting yang sewajarnya ada kepada pihak yang bertanggungjawab secara langsung dalam perkara ini.

Kita tidak mahu pihak Kementerian sama ada dari segi membuat peraturan dan seterusnya melaksanakan peraturan semata-mata berdasarkan kepada cara ad-hoc untuk melaksana dan menjayakannya. Di mana ada yang dirungutkan oleh masyarakat di mana ada yang menjadi isu semasa oleh masyarakat, maka di situlah pihak Kementerian cuba membuat sesuatu untuk mengatasi masalah

tersebut. Kita tidak mahu pihak Kementerian membuat tindakan semata-mata dengan cara ad-hoc begitu sahaja. Saya percaya dengan adanya satu inventory yang lengkap tentang masalah pencemaran di negara kita ini, maka pihak Kementerian dapat melaksanakan kewajipan dan peranannya dengan lebih teratur. Kalau tidak berjaya pada masa ini sekurang-kurangnya berjaya pada setahun, dua tahun, lima tahun yang akan datang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat dengan adanya satu Kementerian khas untuk menjaga alam sekitar ini maka sepatutnya kita lebih berupaya, lebih yakin lagi tentang mengawal, memelihara alam sekitar. Dan sekurang-kurangnya ada satu inventory yang lengkap tersimpan di pihak Kementerian untuk membuat tindakan yang sewajarnya dah segi pemeliharaan alam sekitar.

Saya mengalu-alukan satu peruntukan dalam pindaan ini di mana sesuatu kegiatan yang hendak dilaksanakan, mestilah didahulukan dengan satu laporan yang lengkap mengenai pencemaran yang mungkin berlaku dari kegiatan tersebut.

Tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa suatu "environmental impact assessment", dengan izin, mestilah dibuat terlebih dahulu oleh mereka yang hendak melaksanakan aktiviti itu. Saya percaya tidak ramai di antara kita yang berupaya membuat sesuatu kajian EIA itu. Besar kemungkinan kita mempunyai pakar-pakar ataupun perunding-perunding yang akan membuat siasatan misalnya bagaimana satu kilang kelapa sawit akan mencemai udara dan seterusnya air yang mengalir di sekitar kilang tersebut. Jadi, pindaan ini memberi peruntukan kepada pihak Kementerian bahawa satu kajian yang lengkap hendaklah disampaikan kepada Pengarah Jabatan Alam

Sekitar untuk memastikan sejauh mana pencemaran itu akan berlaku dan sejauh mana pula mereka yang membuat kegiatan itu dapat mengawasi pencemaran yang mungkin berlaku. Ini adalah satu langkah yang baik. Pada saya, saya mentafsirnya sebagai satu perubahan di mana beban untuk memelihara alam sekitar ataupun beban untuk meminimumkan pencemaran adalah terletak kepada mereka yang bertanggungjawab secara langsung mencemarkan suasana alam sekitar. Jadi, mereka terpaksa membuat laporan kepada pihak Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar.

Soalnya sekarang ialah apabila laporan itu disampaikan kepada pihak Jabatan, apakah kriteria yang akan digunakan oleh pihak Jabatan untuk menentukan tahap pencemaran yang boleh diterima ataupun yang terpaksa ditolak. Apakah standard yang akan digunakan. Saya belum dapat kepastian daripada pihak yang saya dapat buatkan perkara ini tentang standard itu. Adakah standard yang mungkin didapatkan daripada Amerika ataupun daripada Britain, authority yang mengawasi alam sekitar di negara-negara tersebut ataupun kriteria ataupun standard yang digunakan oleh WHO (World Health Organisation).

Kedua, soal yang timbul ialah saya tidak hendak menidakkan kepakaran yang ada di pihak Jabatan kerana saya ingin menanya di sini sejauh manakah adanya kepakaran teknikal pihak Jabatan untuk memastikan bahawa laporan-laporan tersebut adalah benar dan boleh diterima sama ada dari segi apa yang telah dilaporkan ataupun dari segi untuk diselidiki secara praktikal tentang laporan-laporan tersebut. Di sini mungkin saya terpaksa memberi satu contoh misalnya masalah LLN yang membakar batu arang dan dengan cara itu mencemarkan suasana. Dengan membakar batu arang kita dapat kesan-kesan seperti "sulphur oxide"

ataupun "nitrogen oxide" ataupun habuk-habuk yang datangnya daripada pembakaran batu arang tadi. Saya percaya sebahagian daripada kesan "sulphur oxide" itu ataupun "nitrogen oxide" dapat dikawal di peringkat awal lagi. Dan sebahagian daripada habuk-habuk ataupun dust, dengan izin, dapat ditapis dalam proses pengeluaran asap-asap dengan melalui pembakaran batu arang tadi.

Kita sedia maklum bahawa pencemaran melalui "sulphur oxide" ataupun "nitrogen oxide" akan mencemarkan suasana alam sekitar dan apabila dihidu oleh manusia dikatakan boleh membakar jantung manusia. Dan apabila hujan turun, ia dikatakan akan menyebabkan hujan asid dikatakan. Jadi, sekarang saya ingin menanya sejauh manakah kepakaran yang ada dalam bidang misalnya meteorology dalara istilah bahasa Melayunya ataupun meteorology untuk mengesan dust ataupun particle, dengan izin, yang terkeluar daripada pembakaran tadi ke udara dan sejauh manakah dust ataupun particle tadi, dengan izin, akan mencemarkan bumi dan tumbuhan di alam sekitar kita? Jadi, saya percaya bahawa kepakaran yang ada di pihak Jabatan bukan sahaja pada tahap yang sewajarnya bahkan juga pada bidang-bidang yang berbagai sama ada dari segi peringkat kejuruteraan ataupun dalam soal meteorology. Jadi, saya mengharapkan bahawa kalau sekiranya kita hendak memberi kesan tentang Akta dan pindaannya maka kita juga mestilah berupaya melaksanakan Akta-akta tersebut.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut satu lagi perkara tentang soal pelaksanaan. Selain daripada kepakaran yang ada, saya juga ingin menanya sama ada kita benar-benar "committed", dengan izin, untuk melaksanakan peranan kita masing-masing dalam soal ini? Ada di

seluruh dunia ini yang boleh dibeli dan digunakan oleh pihak Jabatan yang berkenaan.

Misalnya dikatakan kita mempunyai set samplers yang dikatakan boleh digunakan untuk menguji gas. Kita hendak pastikan bahawa apa jua samplers yang kita beli maka kita tahu untuk menggunakannya dengan sebaik-baiknya. Kita tidak mahu kalau sekiranya di peringkat keluarga kita membeli personal computer, kita mencari-cari bagaimana kita hendak menggunakan "personal computer dengan cara yang berkesan apabila kita keseorangan dengan personal computer kita. Jadi, kalau kita bercakap dengan personal computer di peringkat keluarga kerana kita bercakap tentang teknologi yang lebih tinggi tagi yang boleh digunakan pihak Kerajaan untuk memastikan kita mengukur dan menentukan tahap pencemaran alam sekitar kita. Dan selain daripada menggunakan dengan sebaik-baiknya dan sepenuhnya apa jua teknologi dan kemudahan yang ada untuk tujuan itu kita hendak pastikan bahawa supaya pihak Jabatan yang berkenaan juga dapat memastikan teknologi-teknologi itu sentiasa dapat digunakan terus-menerus dengan cara menyelenggarakan jentera-jentera tersebut dengan sebaik-baiknya.

Kita tidak mahu menghadapi masalah-masalah seperti yang ada di tempat-tempat ataupun Jabatan-jabatan yang lain dalam kes di mana kita ada traktor tetapi tidak ada drivernya dan apabila ada traktor kita tidak dapat membaiki kalau traktor itu rosak misalnya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya Akta (Pindaan) untuk Kualiti Alam Sekeliling, 1974 ini. Sambil itu menyeru lagi supaya keupayaan untuk melaksanakannya juga sewajarnya diperkuatkan.

Saya ingin berbalik kepada soal yang saya anggap lebih penting sekali supaya pihak Kementerian yang berkenaan mengambil pendekatan yang lebih serius dan teratur supaya masyarakat Malaysia ini dapat lebih memahami sebenarnya apakah itu pencemaran, apakah unsur-unsur pencemaran dan apakah kesan pencemaran alam sekitar.

Jadi berasaskan kepada pandangan-pandangan tersebut, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta (Pindaan). Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Dato Haji Zakaria.

5.51 ptg.

Dato Haji Zakaria bin Haji Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun untuk mengambil bahagian dalam membahaskan suatu Akta bagi meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ini.

Saya bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang dahulu bercakap daripada saya maka saya turut mengalu-alukan Akta atau pindaan ini kerana dengan adanya Akta (Pindaan) ini, jelas menunjukkan bahawa masalah kualiti alam sekitar atau pencemaran alatn ini keadaannya bertambah teruk di negara kita yang sedang membangun ini.

Dalam Akta ini beberapa pindaan yang telah dibuat dan telah menekankan denda yang lebih banyak supaya rakyat dan masyarakat kita dapat dikawal bagi mewujudkan satu alam sekitar yang baik, yang boleh menambah kesihatan kepada rakyat kita yang tinggal di negara ini.

Walau bagaimanapun, saya sependapat dengan rakan-rakan saya tadi bahawa Akta ini sahaja tidak akan dapat mencapai matlamatnya kalau ketegasan untuk melaksanakannya tidak sama dengan kekuatan Akta ini. Di samping itu juga dalam

mengadakan ataupun menentukan keadaan kualiti alam sekitar ini baik, bukan sahaja Kementerian yang khusus berkenaan dengan perkara ini, tetapi ada hubung kaitnya dengan badan-badan berkuasa yang lain, yang mesti bersama-sama melaksanakan Akta ini apabila telah diluluskan bagi menentukan supaya kehendak Akta ini tercapai.

Badan-badan berkuasa yang lain itu juga patut bersama-sama memikirkan supaya keadaan alam kita ini bersih, terkawal sama ada udaranya, airnya dan lain-lain lagi.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, suka saya menarik perhatian Dewan ini bahawa di tempat tinggal saya sendiri, mungkin juga di tempat-tempat lain, contoh yang paling nyata ialah di perkampungan. Selayang Baru di kawasan. saya dahulu di mana kampung itu dirancangkan semata-mata untuk tempat orang tinggal iaitu perkampungan yang ditaja, diusahakan tetapi kita tak tahu di mana salah silapnya, di mana puncanya, maka badan-badan berkuasa yang lain sama ada mereka sedar atau tidak, sama ada mereka tahu atau tidak sebahagian besar di kawasan-kawasan perumahan ini bertukar menjadi kawasan-kawasan kilang ataupun, dengan izin, "backyard industries" yang ini juga punca menambahkan keadaan alam sekeliling kita yang bertambah buruk. Walaupun pada mulanya rumah-rumah ini hanya diberikan kuasa elektrik untuk kegunaan rumah, tetapi kita tak tahu bagaimana boleh disampaikan kuasa elektrik untuk kilang umpamanya dengan banyak dan bercampur gaul dengan penduduk-penduduk yang lain.

Ini juga perkara yang patut diberikan perhatian oleh pihak-pihak berkuasa yang lain khususnya pihak berkuasa tempatan dan badan-badan yang lain. Dengan keadaan demikian, keadaan tempat itu tidak terkawal, jalan-jalan raya yang dibuat dengan

cantik akan rosak, akan bertakunglah air di sana sini, yang tidak dapat mengalir dan akan menimbulkan keadaan kualiti alam yang tidak baik yang boleh mendatangkan berbagai sumber penyakit dan sebagainya.

Demikian juga dengan perancangan-perancangan yang dibuat khasnya kepada Perancang Bandar dan Kampung umpamanya, sebuah kawasan perumahan didirikan dengan baik dan bersih, tak semena-semena di sebelahnya didirikan kilang yang mendatangkan keadaan hawa atau udara atau alam sekitar yang tidak dapat dikawal.

Jadi kesemuanya ini ada hubung kaitnya seperti saya katakan tadi dengan badan-badan berkuasa yang lain atau jabatan-jabatan yang lain yang sama-sama mengambil berat atas masalah kualiti alam sekitar ini.

Satu tempoh dahulu saya tinggal di kawasan yang sangat kotor alam sekitarnya oleh kerana ledakan-ledakan kuari yang berjalan setiap hari yang tak dapat dikawal, tetapi alhamdulillah sekarang ini tidak ada lagi.

Yang keduanya saya juga bersetuju dan menyokong bahawa "enforcement", dengan izin, ataupun pengawalan dan tindakan yang seharusnya dapat diadakan dengan lebih baik dan berkesan.

Umpamanya saya pernah membawa perkara ini dalam Dewan ini juga pada tahun yang sudah berkenaan dengan sebuah kilang memproses simen di mana habuk simen dari kilang ini keluar dengan liar sehingga merubah keadaan muka bumi, keadaan daun-daun sekeliling dan berbagai lagi. Kalau atap rumah itu merah akan jadi putih, tetapi saya diberitahu oleh Jabatan Alam Sekitar bahawa tindakan-tindakan telah pun diambil supaya kilang ini mengadakan satu alat di mana kecemaran ini tidak akan dikeluarkan, di mana habuk-habuk

simen tidak akan dikeluarkan lagi. Benar, saya diberitahu bahawa alat itu telahpun dipasang tetapi pengawalan atau enforcement, tak dapat kita tentukan. Biasanya pada siang hari mereka menggunakan alat ini untuk menahan supaya ledakan-ledakan dari kilang itu tidak keluar, tetapi mereka akan membuka pada sebelah malamnya, kita nampak kesan-kesannya pada sebelah pagi dan berlakulah kecemaran.

Jadi kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pengawalan dan tindakan-tindakan tegas sebagaimana yang disarankan dalam Akta ini haruslah dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya supaya matlamat kita untuk mewujudkan Akta ini sampai kepada hasrat yang kita sarha-sama kehendaki supaya negara kita ini mestilah sentiasa bersih, alam sekitarnya terkawal bagi menghilangkan dan menghindarkan penyakit dan berbagai lagi yang akan menimpa kepada rakyat kita.

Berbagai perkara yang berlaku yang kadang-kadang di luar dugaan kita. Umpamanya kadang-kadang kita tak tahu di mana perancangan Kerajaan umpamanya sebuah kampung yang telah disusun dengan baik tiba-tiba di tengah-tengah kampung itu dibina jalan besar yang menggugat pendudtik-penduduk kampung itu dengan bunyi kenderaan dan berbagai-bagai lagi. Ketegasan ini perlu. Kita tahu bahawa Kementerian Pengangkutan umpamanya ada menghadkah umur kereta yang boleh dipakai sekian lama supaya ia tidak mengeluarkan asap yang berkepul-kepul hitam keluar tetapi sejauh manakah tindakan-tindakan telah dibuat untuk menahan kereta-kereta ini. Ini yang kita persoalkan. Jika tindakan demikian dapat dibuat tentulah kita tidak menjumpai lagi lori-lori yang berkepul-kepul keluar asapnya dan kadang-kadang boleh menghilangkan pandangan kita ketika

memandu kereta pun ada, yang boleh menghala kita kepada kemalangan dan berbagai-bagai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong dan mengalu-alukan Akta ini, yang paling utama sekali ialah pelaksanaan kepada Akta ini benar-benar dapat kita dipraktikkan tidak mengira di mana sahaja benda-benda ini berlaku; tindakan sewajarnya hendaklah diambil supaya kita dapat merasakan satu keadaan alam sekitar yang lebih selesa, sesuai dengan hasrat kita, negara kita ini bersih sebagai satu asas kepada pembangunan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang bagi meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusoff.

6.01 ptg.

Tuan Mohd. Yusoff alias Yusof Haji Md. Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita pada masa ini. Saya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini yang menunjukkan bahawa Kerajaan kita mempunyai niat dan perasaan yang bersungguh-sungguh untuk menjaga alam sekitar di tanah air kita.

Dengan adanya undang-undang yang akan mengawal kualiti alam sekitar, maka Kerajaan kita telah termasuk di antara Kerajaan-kerajaan dalam dunia ini yang begitu merasa sedar akan keadaan pentingnya bagi umat manusia hidup dalam alam yang mempunyai kualiti yang baik.

Kita tidak ingin menjadi sebuah negara seperti di negara-negara yang telah maju yang mana masalah alam sekitar adalah menjadi salah satu daripada masalah yang dihadapi dan untuk membetulkan keadaan yang sudah menjadi cronic, dengan izin, adalah amat menyukarkan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun niat dan hajat Kerajaan untuk membaiki alam sekitar di tanah air kita ini maka sepertimana juga Ahli-ahli yang lain, saya merasa bahawa masalah yang penting ialah masalah implimentasi ataupun masalah untuk menguatkuasakan Rang Undang-undang ini.

Memang masalah alam sekitar bukanlah masalah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar semata-mata tetapi alam sekitar ini dapat diperbaiki dengan kerjasama daripada pihak-pihak berkuasa yang lain; terutama sekali pihak-pihak di peringkat negeri, di peringkat Majlis-majlis Daerah, di peringkat Kerajaan Negeri sendiri mestilah ada juga niat dan cita-cita untuk membaiki keadaan.

Pada masa sekarang ini, saya nampak bahawa Kementerian ini, pegawai-pegawainya tidak menjalankan tugas sebagaimana yang sepatutnya. Keadaan alam sekitar adalah juga menjadi suatu faktor apabila Majlis-majlis Daerah, misalnya, meluluskan planning ataupun rancangan-rancangan pembangunan di dalam Majlis Daerah terutamanya mengenai perkilangan. Dalam banyak keadaan yang telah lepas, tidak nampak bahawa Majlis-majlis Daerah, misalnya mengambil kira banyak faktor ataupun mengambil perhatian terhadap alam sekitar. Jadi, masalahnya bagaimana Kementerian ini dapat memainkan peranannya di peringkat Majlis-majlis Daerah.

Begitu juga di peringkat negeri-negeri. Tidak nampak bahawa di peringkat Kerajaan-kerajaan Negeri ada sesuatu badan yang mempunyai bidang kuasa di dalam hal kualiti alam sekitar ini. Oleh kerana itu, saya rasa perlu bagi Kementerian ini mengadakan pegawainya yang khusus, yang mempunyai pertalian yang rapat

dengan pihak-pihak, yang berkuasa lain, terutama di peringkat-peringkat negeri.

Dalam Rang Undang-undang (Pindaan) ini, ada dua Clause yang menarik perhatian saya iaitu Clause 13, misalnya, yang mana Clause ini memerlukan kebenaran atau kelulusan Ketua Pengarah di Kementerian ini sebelum mana-mana aktiviti yang diprescribkan mendapat kelulusan. Saya tidak narhpak di bawah Clause ini yang membuat peruntukan bahawa jika tidak ada kelulusan Kementerian maka kebenaran tidak boleh diberi oleh pihak yang berkuasa atau relevant yang dimaksudkan di bawah Fasal 13 ini. Oleh kerana itu saya nampak bahawa mungkin ini merupakan satu loophole, dengan izin, bagi mana-mana pihak berkuasa negeri yang tidak ingin, yang tidak mahu atau yang tidak menghiraukan akan masalah alam sekitar sebelum meluluskan kebenaran yang dimaksudkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, negara kita ini dianggap sebagai sebuah negara di mana perindustrian ataupun perancangan perusahaan terbantut oleh kerana banyak memerlukan kebenaran daripada pihak yang berkuasa. Saya rasa pihak Ketua Pengarah di dalam menjalankan tugasnya seperti yang disebutkan di dalam Clause 13 ini supaya ianya jangan menjadi punca kelambatan kepada mana-mana permohonan untuk meluluskan mana-mana rancangan perindustrian ataupun permohonan untuk menjalankan mana-mana industri yang termaktub di bawah Clause. 13 itu.

Jika pihak Kementerian tidak mempunyai jentera yang cukup, maka saya rasa ini boleh membantut atau melambatkan permohonan-permohonan yang dtbuat oleh sesiapa yang ingin mengadakan perusahaan itu, dan ini mungkin akan menjadi

masalah kepada pengusaha-pengusaha. Jadi, oleh kerana itu, saya sukalah menyeru kepada pihak Kementerian bahawa di dalam menjalankan tugas-tugasnya di bawah Rang Undang-undang (Pindaan) ini memikirkan masalah supaya jangan ianya menjadi punca kelambatan bagi mana-mana pihak yang ingin membuat perusahaan yang masuk di bawah Fasal 13 itu.

Ada satu lagi Fasal yang termasuk di dalam pindaan ini, iaitu yang memberi kuasa kepada pihak pegawai-pegawai Kementerian ini untuk menahan mana-mana kenderaan yang difikirkan melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian ini. Sebenarnya ini merupakan satu overlapping power, dengan izin, kepada kuasa pihak Kementerian Pengangkutan. Kerana di bawah Kementerian Pengangkutan sudah ada suatu kaedah-kaedah yang mana kereta-kereta yang misalnya mempunyai asap yang banyak boleh ditahan oleh pegawai-pegawainya. Jadi oleh kerana itu mungkin kalau misalnya tidak ada persefahaman di antara Kementerian ini dengan Kementerian Pengangkutan, mungkin sebuah kenderaan itu terpaksa ditahan sahaja satu pihak berkuasa, boleh dua pihak berkuasa. Jadi masalahnya saya merasa bahawa perlu diadakan kordinasi di antara Kementerian ini dengan Kementerian Pengangkutan supaya jangan sangat terlampau banyak pihak-pihak yang berkuasa yang boleh menahan kenderaan-kenderaan di jalan raya dan ini akan mengakibatkan berlakunya perasaan tidak puas hati di kalangan mereka yang menjalankan perusahaan kenderaan.

Yang keduanya, saya tidak nampak di sini apakah kriteria yang dipegang oleh pihak Kementerian ini sama ada kenderaan yang difikirkan itu merbahaya ataupun bercanggah dengan peraturannya sama dengan

kriteria yang digunakan oleh pihak yang berkuasa Kementerian Pengangkutan, kalau tidak mungkin kenderaan-kenderaan yang mengikut Kementerian Pengangkutan tidak merbahaya, mungkin dianggap merbahaya oleh Kementerian ini, dan ini akan menjadi suatu masalah juga kepada mereka yang menjalankan perusahaan-perusahaan pengangkutan.

Itulah sahaja yang ingin menyebut di sini. Kalau misalnya Kementerian tidak terfikir akan masalah ini supaya memikirkan masalah ini dan dengan lulusnya Rang Undang-undang ini tidak akan menjadi bebanan kepada mereka yang akan terkena dengan penguatkuasaan undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

6.23ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi kesempatan bagi saya untuk turut bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang telah dahulu untuk membincangkan Rang Undang-undang Suatu Akta bagi meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Tuan Yang di-Pertua, saya melahirkan rasa amat sukacita dan bangga di atas cadangan Kerajaan untuk membuat pindaan kepada Akta ini, tetutamanya untuk meningkatkan beberapa penguatkuasaan dan juga menaikkan kadar denda penalti kepada kes-kes tertentu di dalam bidangkuasa yang diliputi oleh Akta ini.

Sehubungan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menafikan bahawa Kerajaan kita pada saat-saat ini sangat giat untuk mempertingkatkan kemajuan industri pembangunan, sejajar dengan hasrat serta cita-cita dasar negara kita bagi

meningkatkan daya pengeluaran memperkembangkan pertumbuhan ekonomi bagi memajukan negara kita ini. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dilakukan oleh manusia untuk memajukan negara ini, memajukan manusia pula terdapat kesan-kesan sampingan terhadap kemajuan ini di mana beberapa kecemaran-kecemaran alam, kerosakan-kerosakan kepada alam sekitar seperti keindahan tasik-tasik dan danau yang menghijau di negara ini, kecemaran kepada sungai-sungai kita yang jernih, yang membekalkan air yang bersih kepada rakyat terdapat runtuh-runtuh selut dan tanah kepada tanaman-tanaman. Sebagai contoh pembangunan kita yang pesat ini telah menumbuhkan swasta-swasta yang maju, tetapi di samping itu pihak swasta kita sepatutnya bertimbang rasa di dalam menjalankan perniagaannya mengikut kaedah-kaedah peraturan yang ditentukan, bukan mengambil sikap tamak serta mengambil sikap endah tidak endah ataupun mengambil sikap oleh kerana Kerajaan berkehendakkan dia, jdia boleh berbuat sesuka hati. Sikap boleh berbuat sesuka hati berselindung di balik kerja-kerja amal, memberikan dermasiswa, menyampaikan hadiah pelajaran di majlis-majlis yang diaturkan oleh pihak berkuasa tertinggi, Menteri-menteri pemimpin-pemimpin kita, tetapi di sebelah belakangnya mempunyai sikap telunjuk lurus kelengking berkait. Maka timbullah swasta-swasta sombong, degil dan tidak mengindahkan peraturan-peraturan Kerajaan.

Sebagai contoh yang baru lalu sebuah kapal korek kepunyaan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak, sebuah anak syarikat yang dipanggil The Perak Dredging Bhd. Saya di samping menyanjung tinggi pihak penguatkuasa Kerajaan Negeri Perak menutup syarikat kapal korek ini beberapa bulan yang lalu

kerana telah dijumpai kedegilannya, kerana tidak mematuhi peraturan-peraturan di bawah enakmen melombong di mana satu syarat telah dikenakan untuk syarikat ini membina sebuah bund, benteng untuk mempertahankan selut-selut atau tanah-tanah kotor, air kotor daripada meresapi ke Sungai Cekos dan seterusnya masuk ke Sungai Batang Padang yang mengairkan kawasan padi 20,000 ekar di kawasan Sungai Manik/Krian. Namanya Sungai Manik/Krian, kawasan Hilir Perak di mana kawasan tanaman padi Sungai Manik ini adalah satu periok nasi yang telah wujud sebelum zaman kemerdekaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, wataupun rakyat penanam padi ini telah mengadu, membuat surat bantahan dan sebagainya, tetapi pihak jurutera yang mempunyai kepakaran, yang mempunyai pandangan yang baik itu, hanya menutup mata tidak membina ampangan, tidak membina bund sebagaimana yang disyaratkan.

Akhirnya, di sini di dalam industri perlombongan kita keciwa dan di satu segi bagi rakyat jelata penanam-penanam padi yang telah puluhan tahun, barangkali tempat padi ini belum sebahagian besar daripada kita ini lahir lagi sudah wujud kawasan sawah di Sungai Manik. Beginilah berlaku, sekiranya pihak swasta, syarikat kapal korek ini benar-benar jujur untuk membangun negara ini, bukanlah dia seorang penjahat.

Kerajaan kita telah memberi biasiswa dan pendidikan kepada anak-anak bangsa kita untuk mentadbirkan, untuk melicinkan dan juga untuk menimbulkan sesuatu perusahaan pembangunan yang baik dari segi industri perlombongan, tetapi Sebaliknya kita ada mempunyai satu sikap kebanggaan dan angkuh untuk diri sendiri sahaja, dengan tidak mengambil perhitungan yang cermat dan teliti serta penuh ikhsan untuk

memikirkan apakah yang ada di sekeliling kita. Dengan sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, maka Akta Kualiti ini dinamakan. Akta Alam Sekeliling. Kalau tidak, kita buat "Akta Kualiti Alam sendiri" sahaja, tak payah peduli orang sekeliling.

Ini satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, beribu contoh boleh kita beri. Kawasan-kawasan perumahan memang kita inginkan dan dahagakan pemaju-pemaju perumahan yang sanggup mendirikan rumah-rumah murah kos rendah, rumah mewah, rumah prestige, tetapi rakan sejawat kita, rakan-rakan sejiran kita apabila sebuah bukit telah diruntuh, diratakan untuk perumahan, mengapa mesti bukit-bukit dan tanah tinggi ini diratakan dengan sewenang-wenangnya kita lihat. Apakah di situ tidak dikenakan Akta, dengan izin, The Land Conservation Act yang berkehendakkan pemeliharaan terhadap, dengan izin, contour tanah itu supaya dibina berperingkat-peringkat, tidak sekaligus diratakan, terutama di musim hujan tanah ini semuanya menutup segala saluran-saluran air.

Tidakkah kita mengingat, tidakkah para arkitek, para jurutera, perancang-perancang kita yang mahir dengan degree-degree kelulusan yang tinggi ini memperhitungkan bahawa di negara kita ini wujud keadaan iklim hujan yang sangat lebat, yang terlebat di dalam dunia, kita bukan mempunyai iklim seperti Saudi Arabia. Ke manalah mengalirnya sesuatu lodakan tanah jikalau tidak terus ke anak sungai, terus ke sungai yang besar dan seterusnya sampai ke tasik, sampai ke lautan. Ini semuanya memberi kesan yang berat, memberi kesan yang sangat menjolok mata kepada pembangunan yang kita kehendaki. Bukan ini daripada jiwa pembangunan yang sebenarnya yang dilaung, dihasrat dan dicita-citakan oleh pihak Kerajaan, tetapi kita mahu

membangun dengan tidak meruntuhkan, mencatatkan dan merosakkan alam yang telah sedia wujud segar dan baik.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak tahu kadang-kadang Akta ini dibentuk dan direka kepada pihak mana yang berkuatkuasa untuk menjalankan kuatkuasa sesuatu Akta. Kadang-kadang ada terdapat beberapa kekeliruan, kata pihak Majlis Daerah: Saya jaga sempadan saya sahaja. Sempadan dia, katalah beberapa puluh kilometer daripada sebuah bandar kecil, tetapi hujung daripada sempadan itu terdapat beribu-ribu buah rumah kampung halaman, tanam-tanaman, rakyat jelata yang marhain, yang hina-dina, yang ingin hidup dengan keadaannya.

Seorang sahabat saya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, keturunan India, mengadu apabila semua lodak kawasan perumahan sampai ke dalam kawasan halaman rumahnya, bila diadu kepada Majlis Daerah, dikatakan ini berada di luar dari bidang kuasanya. Mengadu ke mana? Kerajaan Negeri menetapkan ada agensi-agensi untuk melihat akan kuatkuasa ini. Sampai sahabat saya orang keturunan India itu, (Malaysian Indian), dia kata, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua: "Apa saya punya nasib, kalau serupa ini memang Kerajaan tidak adil. Rumput tepi jalan pun ada guna, ini saya manusia."

Tuan Yang di-Pertua, saya seorang yang emosi pada sesuatu ketika. Kalau begini keadaannya, kita amat dukacita bahawa pembangunan dan hasrat Kerajaan untuk melihat sesuatu kemakmuran, sesuatu pembangunan tetapi tidak memperhitungkan keadaan sekeliling dan jiran-jiran ini, saya amat keciwa mengatakan bahawa rakyat keseluruhannya tidak akan dapat menerima hasrat baik yang dicita-citakan oleh Kerajaan sekiranya seluruh rakyat jelata kita daripada apa bentuk dan segi hidupnya tidak kita

perhitungkan dengan teliti dan dengan cermat.

Tuan Yang di-Pertua, di samping air lodak, di samping bukit-bukit yang hancur dengan pembangunan yang tidak terkawal oleh sesiapa ini, kita lihat pula kilang-kilang - pertumbuhan kilang kelapa sawit suatu perkara yang sihat dan dikehendaki, pertumbuhan kilang getah, suatu perkara yang sangat kita banggakan kerana kitalah pada satu ketika pengeluar bahan getah yang tertinggi dan termegah di seluruh dunia. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi, pertumbuhan kilang-kilang ini terutama sekali kilang kelapa sawit pada masa ini di kawasan-kawasan ladang yang luar daripada bidanguasa Majlis Daerah ataupun badan-badan Pihak Berkuasa Kerajaan untuk menentukan peraturan-peraturan dan mengenakan kaedah-kaedah, untuk mengenakan kualiti alam sekitar ini, itulah kita dapati di sekeliling kawasan kampung dan perumahan maka muncul asap-asap kepul hitam yang 24 jam terus-menerus mengeluarkan kecemaran-kecemaran ini dan manusia yang hidup di sekeliling kampung-kampung tradisional, kampung-kampung baru yang ada di sekitar 3 batu, 5 batu semuanya terpaksa menghirup udara yang bercampur dengan asap kelapa sawit atau kalau kita lalu di jalan raya pada satu ketika, kita pun hampir-hampir terasa seperti kita berada di negeri yang sejuk, sama ada ini asap ataupun kabus, tetapi setelah kita keluar daripada kawasan kabus asap ini, baru kita tahu kita berada di Malaysia rupanya, bukan kabus di negeri yang penuh dengan salji.

Kalaulah mata yang sedikit-sedikit rabun macam mata saya ini, tidak pakai drebar, kena hujan lebat, setitik embun jantan tengah turun pukul 2.00 pagi, asap ini pun tambah lagi, apa hendak jadi, Tuan Yang di-Pertua. Itu kita lalu, orang yang duduk terpaksa

menghirup asap yang busuk, yang pedih ke mata ini, apa jadi? Ini kualiti apa namanya, Tuan Yang di-Pertua, tidak berkualiti! Sepatutnya ada setengah pendapat saintis yang mengatakan asap ini boleh ditapis, tapis, tapis, walaupun dia bernama asap tetapi tidak nampak asap, itu baru kita berbeliak mata, Tuan Yang di-Pertua, mengatakan ada kualiti.

Tuan Yang di-Pertua, para saintis kita di Malaysia ini telah dapat dibanggakan, pertama di dalam dunia dan satu sahaja di dalam dunia ahli saintis kita yang boleh menciptakan pemindahan teknologi daripada minyak sawit kepada "sawit diesel". Kalau saintis kita sudah dapat menciptakan kualiti pemindahan bahan-bahan yang begini dibanggakan, kenapakah keadaan rayuan, keadaan-keadaan yang diheboh, yang dirungut oleh rakyat di luar bandar di mana keadaan bau busuk daripada kilang mengancam hidung mereka, keadaan asap yang tebal, hitam, kelabu, coklat, biru.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kalau rakyat jelata ini yang tidak dibela oleh sesiapa pergi mengadu sesak nafas, ini sakit demam sejuk selsema sahaja, tidak ada pakar. Kita semua hendakkan pakar. Bercakap berkenaan pakar ini, saya ingin bertanya, adakah dia, dengan izin, divine law yang terpaksa tidak boleh diganggu, digugat oleh sesiapa.

Timbalan Yartg di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya minta maaf kerana masa sudah cukup. Ahli Yang Berhormat boleh menyambung pada hari esok.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30

3427

3 DISEMBER 1985

3428

petang hari esok, Rabu, 4hb
Disember, 1985.

*Dewan ditangguhkan pada pukul
6.30petang.*